

**PENGURUSAN KOLEKSI ALAT PERMAINAN TRADISIONAL
WAYANG KULIT DI MUZIUM NEGERI KELANTAN**

FYP FTKW

MASDIANA BINTI MOHD JOSEPH

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PENGURUSAN KOLEKSI ALAT PERMAINAN TRADISIONAL WAYANG KULIT
DI MUZIUM NEGERI KELANTAN**

DISEDIAKAN OLEH:

MASDIANA BINTI MOHD JOSEPH (C18A0094)

UNIVERSITI

MALAYSIA

Laporan ini dihantar untuk memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dan
Kepujian

KELANTAN

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan rasa kesyukuran kepada hadrat ilahi kerana dilimpahkan kurniannya saya diberi peluang untuk menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Walaupun banyak cabaran dan dugaan yang terpaksa ditempuhi namun saya dapat menyiapkannya dengan baik sekali. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih yang teramat kepada penyelia saya iaitu Puan Athmar Binti Hashim atas sokongan beliau. Beliau banyak memberikan nasihat dan teguran berkaitan penyediaan penyelidikan ini bermula pada peringkat awal hingga akhir.

Tidak lupa juga kepada pihak institusi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) terutamanya Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW). Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak sedemikian kerana memberi peluang kepada saya untuk menyelesaikan penyelidikan ini dengan jayanya. Penyelidikan ini dapat membantu saya untuk menambahkan ilmu pengetahuan yang sedia ada.

Tidak ketinggalan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang banyak memberi sokongan, dorongan dan tunjuk ajar serta bertukar pandangan sepanjang melakukan penyelidikan ini. Mereka banyak membantu saya ketika saya mempunyai masalah dan bersama-sama untuk menyelesaikan masalah tersebut. Tanpa mereka, saya tidak dapat menghasilkan penyelidikan ini dengan baik.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih juga kepada kakitangan-kakitangan muzium khususnya pihak Muzium Negeri Kelantan atas kerjasama yang diberikan. Mereka juga memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini di lokasi tersebut iaitu Muzium Negeri.

Sekian sahaja daripada saya, Terima kasih.

Masdiana Binti Mohd Joseph

C18a0094

Universiti Malaysia Kelantan

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

	Senarai Rajah	i.
	Abstrak	ii.
1.0	Pengenalan	1
2.0	Kajian Terdahulu	3
3.0	Latar Belakang Kajian	5
4.0	Objektif Kajian	6
5.0	Persoalan Kajian	
6.0	Permasalahan Kajian	
	6.0.1 Perekodan Muzium Tidak Lengkap	
	6.0.2 Prosedur Pengurusan Kurang Berkesan	
	6.0.3 Kaedah Pemeliharaan Tidak Sesuai	
7.0	Lokasi Kajian	7
8.0	Kepentingan Kajian	8
9.0	Skop Kajian	10
10.0	Cadangan Struktur Penyelidikan	11
11.0	Rumusan Bab	12
Bab 2: Pengurusan Koleksi Wayang Kulit		
2.1	Pengenalan	13
2.2	Wayang Kulit	14
2.3	Warisan Ketara	15
2.4	Muzium	
	2.5.1 Konsep Muzium	16
	2.5.2 Institusi Muzium	17
2.5	Pengurusan Koleksi	18
	2.5.1 Polisi Pengurusan Koleksi	
	i) Pemerolehan Koleksi	
	a) Pinjaman	19
	b) Pembelian	20
	c) Hadiah	22

d) Sumber-Sumber Lain	23
ii) Pendaftaran Koleksi	24
iii) Konservasi	26
v) Penyimpanan/Storan	27
2.6 Rumusan Bab	28
Bab 3: Metodologi Kajian	
3.1 Pengumpulan Data	30
I) Sumber Primer	
i) Tinjauan	
ii) Temu Bual	
Ii) Sumber Sekunder	36
i) Internet	
ii) Tesis	
iii) Artikel	
iv) Buku	
v) Pendokumentasian	
3.2 Kajian Literatur	38
3.4 Rumusan Bab	39
Bab 4: Analisis Kajian	
4.0 Pengenalan	40
4.1 Konsep Pengurusan Koleksi Permainan Wayang Kulit Yang Dilakukan Oleh Muzium Negeri Kelantan	41
4.2 Prosedur-Prosedur Pengurusan Permainan Wayang Kulit	43
4.3 Kaedah Penjagaan Permainan Wayang Kulit	49
4.5 Rumusan Bab	51
Bab 5: Kesimpulan Dan Cadangan	
5.0 Pengenalan	52
5.1 Cadangan Kajian	53
5.2 Kesimpulan	56
5.3 Rujukan	58

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 1.1: Rajah Muzium Negeri Kelantan	8
Rajah 1.2: Peta Lokasi Kajian	8
Rajah 2.0: Metodologi Kajian	30
Rajah 2.1: Gambar Muzium Negeri	32
Rajah 2.2: Wayang Kulit Panggung	33
Rajah 2.3: Wayang Kulit Panggung	33
Rajah 2.4: Wayang Kulit (Puppet)	34
Rajah 2.5: Wayang Kulit (Puppet)	34
Rajah 2.6: Wayang Kulit Jawa	35
Rajah 2.7: Penyelidik Berada Di Lokasi Kajian	35
Rajah 2.9: Penyelidik Menemu Bual	36
Rajah 4.1: Carta alir pemerolehan pembelian	42
Rajah 4.2: Carta alir pendaftaran	45
Rajah 4.3: Borang Pendaftaran Koleksi Terkini	46
Rajah 4.4: Borang Pendaftaran Koleksi Yang Lama	46
Rajah 4.5: Contoh Borang Pendaftaran Koleksi Yang Lama	47
Rajah 5.6: Borang Pendaftaran Koleksi Yang Lama	47
Rajah 5.7: Penyelidik Bersama Orang Sumber	48

**PENGURUSAN KOLEKSI ALAT PERMAINAN TRADISIONAL WAYANG KULIT
DI MUZIUM NEGERI KELANTAN**

ABSTRAK

Bagi memenuhi keperluan sukatan tahun akhir bagi Ijazah Sarjana Muda bagi kursus Pengajian Warisan, suatu kajian telah dijalankan iaitu kajian berkenaan Pengurusan Koleksi Alat Permainan Tradisional Wayang Kulit bertempat di Muzium Negeri Kelantan, Kelantan Darul Naim. Bagi kajian kajian ini, terdapat dua objektif yang menjadi tujuan utama kajian ini dijalankan iaitu mengenal pasti konsep sebenar pengurusan koleksi permainan tradisional wayang kulit yang dilakukan di Muzium Negeri Kelantan, Mengetahui prosedur pengurusan koleksi permainan tradisional wayang kulit serta mengkaji kaedah penjagaan yang berkesan yang mampu menjaga keaslian permainan tersebut. Selain itu, kajian ini juga dapat menghuraikan proses – proses dengan lebih terperinci berkaitan sistem penjagaan alatan tradisional yang dilakukan oleh kakitangan-kakitangan Muzium. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data. Akhir sekali, tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi memberi pendedahan kepada masyarakat bagaimana sistem pengurusan penjagaaninggalan-tinggalan sejarah dijaga nilai keasliannya agar tidak mudah rosak dan pupus ditelan zaman.

ABSTRACT

To meet the requirements of the final year syllabus for the Bachelor's Degree for Heritage Studies, a study was conducted on the Management of Wayang Kulit Traditional Toy Collection located at the Kelantan State Museum, Kelantan Darul Naim. For this study, there are two objectives that are the main purpose of this study is to identify the real concept of management of traditional wayang kulit collection conducted at the Kelantan State Museum, know the management procedures of traditional wayang kulit collection and study effective care methods that can maintain the authenticity of the game. In addition, this study can also describe the processes-processes in more detail related to the traditional tool care management system performed by the staff of the Museum. The methodology used in this study facilitates researchers to obtain data. Finally, the purpose of this study is to provide exposure to the community how the management system of care for historical relics is maintained in its original value so that it is not easily damaged and extinct over time.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Penyelidikan ini dilaksanakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Tajuk kajian yang dipilih dan difokuskan ialah Pengurusan Koleksi Wayang Kulit yang dilakukan di Muzium Negeri Kelantan Kota Bharu. Pengurusan koleksi ini merujuk kepada sesuatu prosedur yang telah ditentukan penjagaannya bertujuan memelihara dan memulihara koleksi-koleksi atau artifak-artifak agar lebih tahan lama. Kajian ini juga akan menerangkan tentang definisi sebenar pengurusan koleksi dan proses-proses bagaimana pengurusan itu berjalan. Serta, keberkesanan prosedur ini sama ada baik atau ada sedikit penambahbaikan atau pengubahsuaian.

Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum. Kaum yang dimaksudkan ialah kaum melayu, cina dan india. Namun begitu, terdapat juga bangsa-bangsa lain yang pelbagai di Wilayah Sabah dan Sarawak. Setiap bangsa tentunya memiliki nilai-nilai warisan yang tersendiri dan nilai warisan ini telah dijadikan simbol yang amat penting bagi mereka. Menyedari kepentingan ini, pihak kerajaan telah menggiatkan usaha untuk menjaga koleksi yang berharga ini agar terus terpelihara dan kekal kewujudannya untuk generasi yang akan datang. Tambahan pula, kepesatan teknologi pada masa kini telah menyebabkan warisan tradisional dilupakan. Selaras dengan perundangan kerajaan yang menyuruh agar masyarakat memelihara dan memulihara warisan budaya, institusi pemuziuman di kelantan telah menjalankan fungsi-fungsinya. Mereka berusaha hingga tahap maksimum bagi memelihara warisan ini agar tidak ditelan zaman. Pengurusan warisan budaya sememangnya aspek yang terpenting dan perlu dilindungi oleh masyarakat. Penjagaan aspek warisan sedemikian ada dinyatakan dalam akta Warisan Kebangsaan 2005, seksyen 67.

Dalam akta Warisan Kebangsaan 2005, pihak kerajaan persekutuan malaysia telah bersama-sama memikirkan satu kaedah yang berkesan bagi menjaga warisan budaya yang bernilai tinggi ini untuk masa depan. Oleh itu, mereka telah mewujudkan sebuah muzium. Muzium berperanan sebagai tempat penyimpanan semua jenis barangan yang lama dan mempunyai ciri-ciri warisan yang penting dan berharga bagi negara. Kewujudan muzium ini juga penting sebagai tanda kita amat mengambil berat mengenai aspek pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya. Bangunan ini bukanlah bangunan yang biasa kerana iainya dilengkapi dengan prosedur-prosedur penjagaan yang telah ditetapkan terutamanya yang

melibatkan penjagaan koleksi atau artifak yang berada di situ. Kaedah penjagaan yang telah ditetapkan ini akan membantu mengekalkan kewujudan objek-objek yang bersejarah ini agar tidak mudah rosak.

Wayang kulit adalah satu objek warisan yang berada di muzium dan amat diberi perhatian. Hal ini dikatakan sedemikian kerana wayang kulit adalah dikategorikan sebagai warisan budaya yang tidak ketara di Malaysia. Ianya juga diklasifikasikan sebagai alat permainan ketika membuat persembahan di atas pentas. Wayang kulit ini terkenal di negeri Kelantan Darul Naim, buktinya Muzium Negeri Kelantan merupakan satu muzium yang mempamerkan jenis-jenis wayang kulit yang jelas dan menyeluruh kepada pengunjung. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji dapat melihat sendiri jenis-jenis wayang kulit yang ada di sana iaitu Sanggar Api, Orang Kampung, Dayang, Lak Palembang, Wak Long dan banyak lagi. Bukan itu sahaja, mereka juga menunjukkan wayang kulit jawa (Jawanese Shadow Puppet) dan Panggung Wayang Kulit (Shadow Puppet Theatres). Namun begitu, disebabkan perubahan zaman, wayang kulit yang ada sekarang telah bertukar status kearah yang lebih moden dari segi penggunaan peralatannya. Sebagai contohnya, ketika membuat persembahan, penggunaan cahaya dan bayang telah berubah kepada cahaya lampu kerosin dan akhirnya kepada penggunaan mentol elektrik (Bujang, 2007).

Untuk menjalankan penyelidikan ini, pengkaji telah mengkaji tentang proses-proses yang dilakukan oleh pihak Muzium Negeri Kelantan untuk menjaga koleksi wayang kulit ini. Proses-proses ini akan melibatkan beberapa peringkat dalam penjagaannya. Muzium ini dikaji kerana ianya adalah salah satu organisasi pengurusan yang bertanggungjawab untuk melakukan usaha menjaga koleksi-koleksi yang berada dalam muzium. pengkaji akan menemui individu-individu yang menguruskan berkaitan wayang kulit untuk menjayakan lagi kajian ini.

2.0 Kajian Terdahulu

Dalam bahagian ini, penyelidik akan menerangkan berkaitan kajian-kajian yang terdahulu dan ianya mampu memberikan rujukan dalam penghasilan penyelidikan ini. Antara jurnal yang banyak digunakan pengkaji dalam penghasilan penyelidikan ini ialah Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan di Jabatan Muzium Malaysia yang ditulis oleh Zuraidah Hassan dan Ab Samad Kechot. Jurnal yang dihasilkan ini dapat memenuhi kehendak objektif kajian penyelidik di mana jurnal ini banyak menerangkan secara terperinci berkaitan peringkat-peringkat pengurusan koleksi yang telah ditetapkan. Penetapan ini dilakukan sendiri oleh pihak Jabatan Muzium Malaysia. oleh itu, penyediaan jurnal ini sedikit sebanyak telah memudahkan penyelidik untuk mengetahui proses awal dalam pengurusan koleksi terutamanya dalam kajiannya yang melibatkan koleksi wayang kulit.

Selain itu, pengkaji juga banyak merujuk kajian lepas yang berkaitan tajuk penyelidikan ini iaitu permainan tradisional wayang kulit di Kelantan. Terdapat beberapa pengkaji yang menyelidik tentang perkembangan permainan tradisi ini iaitu Resdimona Binti Mudassar dengan kajian beliau Penelitian Teknologi Tradisional dalam Warisan. Kajian ini membantu penyelidik untuk mengenal pasti sejarah asal usul permainan wayang kulit dengan lebih mendalam. Kajian beliau juga amat bersesuaian dengan objektif kajian dalam penyelidikan ini iaitu tentang wayang kulit. Oleh itu, penyelidikan beliau telah membantu menjayakan penyelidikan ini dan sedikit sebanyak membantu dalam pencapaian objektif kajian.

Disamping itu, dalam menghasilkan keseluruhan laporan penyelidikan ini penyelidik telah merujuk kajian Muhammad Hasnain Bin Yusoff dengan tajuk kajian ialah Konservasi Serangga: Kaedah Awetan terhadap Kumbang Tanduk menggunakan Resin. Melalui kajian beliau, penyelidik dapat mengetahui bagaimana teknik menghasilkan penulisan yang bersifat sistematik dan berkesan. Penyelidik agak lemah dalam menghasilkan penulisan yang baik dan kajian beliau ini banyak membantu penyelidik untuk menghasilkan projek penyelidikan pada tahap yang terbaik. Bukan itu sahaja, teknik beliau menyusun setiap tajuk dalam kajian telah menarik minat pengkaji untuk berbuat sedemikian. Hal ini juga memudahkan penyelidik lebih memahami perkara yang hendak disampaikan.

Lagi, berdasarkan artikel daripada penulisan Siti Norakhma Binti Abd Mareh. "Pengurusan Koleksi amat penting dalam organisasi muzium dan pengurusan ini melibatkan teknik-teknik perletakan koleksi secara berkesan" Petikan ini diambil daripada kajian lepas bertajuk Pengurusan Koleksi di Muzium Islam Kelantan oleh Siti Norakhma Binti Abd Mareh

(2015). Daripada kajian ini dapat kita teliti bahawa pengurusan koleksi amat memainkan peranan yang penting dan bernilai tinggi dalam mengekalkan dan mengukuhkan nilai-nilai warisan sesebuah negara. Kerana pengurusan koleksi ini mempunyai garis panduan yang tersendiri dalam pengendaliannya bertujuan melindungi tinggalan-tinggalan sejarah daripada rosak atau menghadapi sebarang masalah yang tidak diingini. Sebagai contohnya, terdapat banyak peringkat dalam pelaksanaannya iaitu pendaftaran koleksi, pendokumentasian, pemakmalan dan storan. Pihak muzium merupakan organisasi atau agensi yang berfungsi untuk mengeluarkan prosedur berkenaan.

Seterusnya, kajian berkaitan pengurusan koleksi juga adalah sesuatu yang penting terutamanya kepada individu-individu yang meminati berkaitan pemuziuman. Buktinya, berdasarkan kajian sorotan lepas penyelidik-penyelidik yang terdahulu ada menyatakan bahawa koleksi dalam muzium adalah elemen yang harus dipelihara agar tidak pupus dan ditelan zaman kerana sukar untuk diperoleh (Nur Ain Nazihah Binti Hamzah, 2018). Menurutny lagi, koleksi dalam muzium adalah sesuatu yang berharga dan orang ramai bukan sahaja kakitangan-kakitangan muzium bertanggung jawab untuk memelihara dan memulihara khazanah negara ini. Oleh itu, kajian ke atas pengurusan koleksi ini dibuat amat perlu bertujuan mendedahkan kepada masyarakat berkaitan cara yang berkesan untuk mengendalikan tinggalan barangan bersejarah.

Tambahan pula, berdasarkan kajian lepas bertajuk Pengurusan Perolehan Koleksi di Muzium Islam Kelantan pada tahun 2015, penyelidik ini telah dibantu oleh orang sumber untuk mendapatkan maklumat. Orang sumber adalah individu yang terlibat secara langsung dalam temu bual bersama penyelidik. Dengan kata lain, orang sumber adalah individu yang menjawab segala persoalan daripada penyelidik dengan menyediakan beberapa soalan. Orang sumber yang membantu dalam kajian lepas ini iaitu Encik Ali Riduan Bin Daud. Hasilnya, terdapat dua masalah yang dikenalpasti iaitu koleksi yang diperoleh di muzium ini amat sedikit. Tambahan pula, ruang galeri di Muzium ini amat sempit serta menyukarkan peletakan koleksi yang besar. Oleh itu, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa muzium ini memiliki ruang yang kecil dan sempit menyebabkan sukar untuk meletakkan pelbagai koleksi yang besar.

3.0 Latar Belakang Kajian

Muzium Negeri Kelantan telah ditubuhkan pada tahun 1990. Sebelum penubuhannya, Akta Warisan Kebangsaan 2006 (AKTA 645) telah mewartakan bangunan lama ini menjadi salah satu bangunan yang mempunyai identiti sejarah. Oleh hal yang demikian, bangunan ini telah dibina dan telah dirasmikan untuk pertama kalinya oleh KDYMM Al- Sultan Kelantan bertarikh 6 Ogos 1990 dan mula beroperasi sehingga sekarang. Muzium ini berbentuk batu dan terletak di Bandar Kota Bharu iaitu salah satu ibu kota yang terkenal di negeri Kelantan Darul Naim. Selain itu, muzium ini terletak bersebelahan Bulatan (Medan) Tuan Padang dalam kompleks bangunan jajahan Kota Bharu. Di samping itu, di kawasan ini juga terletak Pusat Penerangan Negeri Kelantan (T.I.C) dan banyak lagi jabatan agensi-agensi kerajaan yang lain (muzium.kelantan.gov.my).

Muzium ini telah diubahsuai pada tahun 1988. Pengubahsuaian yang dilakukan melibatkan penambahan bilangan tingkat muzium dan ruang-ruang yang berkaitan. Misalnya, muzium ini telah ditambah ruang bahagian pameran permainan tradisional iaitu wayang kulit, rebana ubi, dan mak yong agar lebih mudah dilihat oleh pengunjung, bahagian bawah muzium diletakkan sejarah negeri kelantan dan bahagian ini adalah bahagian yang amat penting kepada muzium kerana pengunjung dapat melihat sendiri warisan tradisi masyarakat kelantan khususnya kepada pelancong asing. Pada tingkat ini juga menempatkan beberapa jabatan-jabatan pemuziuman yang lain seperti pejabat am Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Pejabat Pengarah dan sebagainya. Walaupun begitu, pada tahun 2019, penambahbaikan sekali lagi telah dibuat dimana warna bangunan telah ditukar iaitu daripada warna putih kepada warna kuning dan warna ini masih utuh hingga sekarang. Data ini diperoleh semasa tinjauan ke lokasi kajian dilakukan.



4.0 Objektif Kajian

Untuk menjalankan kajian ini penyelidik telah menggariskan beberapa tujuan ialah:-

- 4.0.1 Mengenal pasti konsep sebenar Pengurusan Koleksi Permainan Tradisional Wayang Kulit yang dilakukan oleh Muzium Negeri Kelantan.
- 4.0.2 Bagaimanakah prosedur Pengurusan Koleksi Permainan Tradisional Wayang Kulit yang diuruskan di Muzium Negeri Kelantan.
- 4.0.3 Mengkaji Kaedah Penjagaan dan Pemeliharaan Koleksi Permainan Tradisional Wayang Kulit di Muzium Negeri Kelantan

5.0 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian dalam kajian ini antaranya ialah:-

- 5.0.1 Apakah konsep Pengurusan Koleksi Permainan Tradisional Wayang Kulit dalam pengurusan Muzium Negeri Kelantan
- 5.0.2 Apakah prosedur yang digunakan dalam Pengurusan Koleksi Permainan Tradisional Wayang Kulit yang diuruskan di Muzium Negeri Kelantan?
- 5.0.3 Bagaimanakah kaedah yang berkesan untuk memelihara Permainan Tradisional Wayang Kulit di Muzium Negeri Kelantan?

6.0 Permasalahan Kajian

- 6.0.1 Perekodan muzium tidak lengkap.

Salah satu masalah yang dihadapi oleh penyelidik dalam menjalankan kajian ini ialah perekodan pemerolehan koleksi di muzium tidak lengkap dan menyeluruh. Kebanyakannya masalah yang dihadapi oleh penyelidik dalam membuat kajian ialah pengambilan data yang kurang. Hal ini dikatakan sedemikian kerana penyelidik-penyelidik sebelum ini yang telah melakukan kajian di situ ada mengatakan bahawa terdapat segelintir muzium yang tidak lengkap data koleksi mereka terutamanya melibatkan pendokumentasian. Kata mereka lagi, koleksi yang diterima oleh muzium juga amat terhad kerana beberapa faktor (Siti Norakhma, 2015).

6.0.2 Prosedur pengurusan kurang berkesan.

Masalah yang kedua yang dialami oleh pengkaji dalam mengkaji penyelidikan ini ialah prosedur pengurusan mereka kurang berkesan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, semasa pengkaji membuat tinjauan ke lokasi kajian, pengkaji telah bertemu dengan beberapa kakitangan muzium. Ujar mereka, kebanyakan wayang kulit yang berada di muzium negeri adalah buatan sendiri dan sebarang konservasi yang dilakukan juga dibuat sendiri oleh mereka. Iaitu individu yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan wayang kulit sahaja di muzium tersebut.

6.0.3 Kaedah Pemeliharaan Tidak Sesuai.

Selain itu, terdapat juga beberapa masalah yang lain dalam melakukan kajian ini ialah kaedah pemeliharaan yang dilakukan tidak sesuai. Pernyataan masalah ini ada dinyatakan dalam Jurnal karangan Zuraidah Hassan dan Ab Samad Kechot pada tahun 2011, dengan tajuk Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan di Jabatan Muzium Malaysia. Menurut mereka, pengendalian ke atas objek-objek warisan perlu dilakukan dengan baik dan seterusnya mampu memberikan impak yang positif kepada objek-objek tersebut. Kaedah pemeliharaan yang tidak sesuai akan menyebabkan nilai estetika objek tersebut mengalami kerosakan dan tidak tahan lama. Oleh itu, pihak kerajaan telah menyediakan garis panduan untuk menguruskan tinggalan-tinggalan bersejarah ini agar mampu diuruskan dengan lebih efisien serta terpelihara untuk jangka masa yang panjang. Walaupun begitu, terdapat juga sesetengah muzium yang menguruskan koleksi-koleksi mereka dengan cara mereka yang tersendiri. Sebagai contohnya, Muzium Negeri Kelantan menguruskan dan menghasilkan alat permainan wayang kulit secara individu. Kajian ini akan dikaji lagi dengan lebih lanjut sejauh mana keberkesanan kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan yang mereka jalankan.

7.0 Lokasi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih untuk mengkaji pengurusan koleksi di Muzium Negeri Kelantan (Rajah 1). Hal ini demikian kerana muzium ini merupakan salah satu institusi yang menjalankan proses pengendalian objek-objek sejarah yang bernilai. Muzium ini telah mula ditubuhkan pada tahun 1990. Muzium ini terletak bersebelahan Bulatan (medan) berdekatan tanah jajahan Kota Bharu (rujuk gambar 2). Muzium ini berbentuk batu dan banyak kali telah melakukan pengubahsuaian dan penambahbaikan. Tinjauan ke atas lokasi

kajian baru-baru ini telah memperlihatkan warna bangunan yang telah berubah dan menjadi lebih baik berbanding yang sebelum ini. Penambahbaikan ini kekal hingga sekarang. Muzium ini beralamat Jalan Hospital, 1500 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.



Rajah 1.1: Muzium Negeri Kelantan

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 1.2: Peta Lokasi Kajian

[6 7 29.9 N 102 14 17.8 E type:landmark region:MY](https://www.google.com/maps/place/6+7+29.9+N+102+14+17.8+E/type:landmark_region:MY)

KELANTAN

8.0 Kepentingan Kajian

Kaedah-kaedah pengurusan koleksi yang dilakukan memudahkan penyelidik untuk mengetahui terlebih dahulu berkaitan konsep sebenar pengurusan koleksi. Penyelidik akan mencari maklumat berkaitan definisi pengurusan koleksi tersebut yang tidak diketahui oleh penyelidik pada awalnya. Oleh hal yang demikian, dengan mengkaji tajuk ini, penyelidik dapat mengetahui secara langsung tentang konsep sebenar pengurusan koleksi dengan lebih jelas. Menurut ICOM, pengurusan koleksi adalah salah satu cara atau prosedur untuk memelihara, memulihara, merawat dan menjaga objek-objek yang penting dalam muzium. objek-objek ini adalah satu warisan yang penting yang perlu dijaga kerana masyarakat perlu pendedahan yang maksimum berkaitannya. Sebagai contohnya, masyarakat perlu mengetahui kepentingan atau manfaat wayang kulit menerusi pameran yang mereka lakukan, masyarakat sudah tentu akan melihat dan bertanya berkaitan objek warisan tersebut. Kesimpulannya, pengetahuan berkaitan wayang kulit perlulah ada dari segi definisi barulah masyarakat sekitar dapat mengenal pasti tujuan dan manfaat kewujudannya dan seterusnya usaha untuk mengekalkan nilai-nilai warisannya dapat dilakukan.

Selain itu, prosedur pengurusan koleksi yang dijalankan di Muzium Negeri Kelantan adalah salah satu topik yang akan dibincangkan dengan terperinci untuk menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada. Kepentingan kajian kali ini akan mampu memberikan manfaat yang sebaiknya kepada penyelidik sendiri dan masyarakat yang lain. Kerana melalui kajian ini, dapat mengetahui sendiri proses-proses yang terlibat dalam pengurusan koleksi-koleksi yang berada di muzium. misalnya, proses pendaftaran, pemerolehan, konservasi dan lain-lain. Masyarakat juga dapat mengetahui bagaimana proses pengurusan koleksi ini dapat berjalan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, proses pengurusan koleksi hanya melibatkan proses dalaman untuk muzium tanpa melibatkan atau diketahui oleh masyarakat yang berkunjung ke muzium. Oleh itu, melalui penyelidikan ini, masyarakat didedahkan dengan teknik pengurusan koleksi yang dilakukan oleh mereka bermula dari peringkat awal penjagaan sampai ke peringkat akhir. Ringkasnya, prosedur pengurusan koleksi perlulah didedahkan kepada mereka supaya mereka dapat menanam perasaan cinta akan warisan negara dan mampu untuk menjaganya.

Di samping itu, penyelidikan ini juga dibuat bertujuan memberikan rujukan kepada penyelidik-penyelidik. Penyediaan penyelidikan ini dibuat sebagai panduan kepada penyelidik-penyelidik yang ingin mengkaji kaedah pengurusan koleksi yang berkesan

terutamanya wayang kulit. Penyelidikan ini dapat memenuhi semua keperluan tentang aspek pengurusan wayang kulit secara menyeluruh yang dilakukan oleh institusi pemuziuman. Pengendalian artifak secara berkesan mampu membantu menjaga kelangsungan kewujudan tinggalan bersejarah dalam muzium agar tetap utuh dan boleh diwariskan kepada generasi yang lain.

9.0 Skop Kajian

Skop kajian ini akan memfokuskan pengurusan koleksi yang dilakukan di Muzium Negeri Kelantan sahaja dan tidak kepada muzium-muzium yang lainnya. Seperti mana yang kita sedia maklum, Kelantan banyak memiliki muzium-muzium yang unik dan indah. Kebanyakan muzium yang berada di Kelantan lebih mendedahkan berkaitan adat istiadat kebudayaan negeri itu, peralatan tradisional yang digunakan, persembahan dan sebagainya. Permainan tradisional yang menarik dan telah mendapat tempat di sana ialah wayang kulit. Penyelidikan pengurusan koleksi ini akan lebih memberi penekanan kepada permainan ini di mana penyelidik akan memperincikan setiap elemen. Kajian ini juga tidak menumpukan secara menyeluruh berkaitan sejarah mahupun latar belakang wayang kulit itu kerana perkara tersebut bukanlah objektif utama penyelidik dalam melakukan kajian ini. Objektif utama penyelidikan ini lebih kepada tentang pengurusan yang diambil dalam sebuah organisasi atau institusi pemuziuman dalam memelihara dan memulihara koleksi warisan yang bernilai dengan lebih baik dan berkesan.

Seterusnya, penyelidikan ini akan memberi penerangan secara jelas tentang prosedur yang terlibat dalam menjaga koleksi wayang kulit bermula daripada peringkat pemerolehan koleksi sehinggalah peringkat pendokumentasian dan seterusnya dipamerkan kepada umum. Walaupun begitu, pengkaji tidak mengetahui secara langsung sama ada pihak muzium masih mengikuti prosedur yang telah ditetapkan ini atau mereka mempunyai prosedur penjagaan yang tersendiri. Akhir sekali, kajian ini juga akan memberi peluang kepada pihak muzium untuk berkongsi idea atau pendapat berhubung langkah yang terbaik untuk memperkasakan lagi prosedur pengurusan koleksi di muzium mereka sama ada ingin melakukan penambahbaikan, pengubahsuaian atau masih mengekalkan kaedah yang sedia ada.

10.0 Cadangan Struktur Penyelidikan

Bab 1: Pengenalan

Cadangan rangka-rangka penulisan yang ingin dihasilkan oleh penyelidik adalah seperti berikut. Dalam bab 1, penyelidik akan menerangkan tentang pengenalan kajian yang hendak dikaji. Pengenalan ini akan meliputi sejarah penubuhan muzium negeri Kelantan di situ dan kajian-kajian terdahulu yang pernah dikaji ataupun kajian yang hampir sama dengannya. Pendedahan ini akan membantu penyelidik untuk meneruskan kajian. Penyelidik juga akan menetapkan objektif kajian secara menyeluruh untuk memudahkan penyelidikan yang dijalankan sesuai dengan objektif bagi menghindarkan penyelidik lari daripada topik utama. Oleh itu, penetapan objektif kajian ini amatlah penting. Bukan itu sahaja, dalam bab ini penyelidik akan menerangkan masalah-masalah dalam menghasilkan kajian dan skop kajian yang terlibat.

Bab 2: Prosedur Pengurusan Koleksi Permainan Tradisional Wayang Kulit

Penyelidik akan menerangkan berkaitan prosedur-prosedur yang terlibat dalam mengendalikan koleksi wayang kulit di Muzium Negeri. Sebelum itu, pengkaji akan memberi huraian dengan lebih lanjut berkaitan konsep pengurusan koleksi. Konsep sebenar pengurusan koleksi amat perlu diketahui bagi memudahkan pengkaji memperincikan lagi hasil kajian. Selain itu, di sini juga penyelidik akan menggariskan beberapa objektif dan persoalan kajian yang akan menjadi fokus utama dalam mencapai matlamat kajian ini. Objektif kajian ini akan membantu penyelidik untuk menilai sama ada kajian ini telah mencapai matlamatnya atau sebaliknya. Bukan itu sahaja, dalam bab ini juga penyelidik akan memberi keterangan secara menyeluruh tentang wayang kulit, pengurusan koleksi, muzium dan warisan ketara.

Bab3: Metodologi Kajian

Dalam bab ini, perkara yang ingin diketengahkan penyelidik ialah kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data dan seterusnya dianalisis. Di sini, pengkaji akan meneliti kaedah-kaedah yang sesuai digunakan untuk mendapatkan data tersebut. Hal ini demikian kerana kaedah ini melibatkan pelbagai jenis pemerolehan. Misalnya, kaedah secara kualitatif dan kuantitatif. Penyelidik akan menumpukan berkaitan pengumpulan data yang berbentuk sumber primer dan sekunder. Pemilihan ini bergantung kepada tajuk- tajuk penyelidikan yang dibuat. Oleh itu, ianya perlu bersesuaian dengan tajuk yang hendak dikaji. Sebagai contohnya, dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua sumber iaitu sumber primer

dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada dua elemen iaitu pemerhatian dan temubual sementara sekunder meliputi sumber Internet, jurnal, tesis dan buku. Akhir sekali, penyelidik akan menerangkan dengan sedikit teori yang berkaitan dengan kajian ini.

Bab 4: Analisis kajian

Dalam bahagian ini penyelidik akan mengupas dengan lebih mendalam tentang hasil kajian. Penyelidik juga akan memilih kaedah yang sesuai untuk mendapatkan data tersebut sama ada secara kualitatif atau kuantitatif. Berdasarkan objektif kajian yang telah dikenal pasti, penyelidik sememangnya akan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temu bual dan pemerhatian. Penggunaan kaedah ini dianggap amat sesuai untuk mengumpul data kerana ianya lebih mudah berbanding yang lain. Melalui analisis kajian ini, penyelidik dapat menyenaraikan prosedur-prosedur yang pihak muzium negeri gunakan untuk memelihara dan memulihara koleksi wayang kulit.

Bab 5: Kesimpulan dan Cadangan

Bahagian ini adalah bahagian akhir dalam penyelidikan di mana penyelidik dapat mengetahui sama ada keseluruhan kajian dapat memenuhi kesemua objektif kajiannya atau tidak. Dalam bahagian ini juga penyelidik akan memberikan cadangan penambahbaikan supaya ianya dapat dikekalkan dan dinikmati oleh generasi akan datang. Seterusnya, penyelidik dapat merumuskan hasil daripada kesemua maklumat yang telah diperoleh.

1.11 Rumusan Bab

Kajian dalam penyelidikan ini akan lebih memberi fokus kepada polisi pengurusan koleksi yang dilakukan di muzium iaitu bagaimana koleksi wayang kulit itu diuruskan. Penyediaan penyelidikan ini akan meliputi proses-proses yang terlibat dalam pengendaliannya serta bagaimana keberkesanan kaedah yang dilakukan mereka ini sama ada baik ataupun terdapat beberapa penambahbaikan yang difikirkan perlu. Di samping itu, pengkajian ini juga dibuat sebagai panduan kepada penyelidik-penyelidik dan pendedahan kepada masyarakat umum. Hal ini dikatakan demikian kerana, proses penjagaan barangan bersejarah ini hanya dilakukan oleh pihak-pihak dalaman muzium dan tidak didedahkan kepada masyarakat. Oleh itu, melalui kajian ini, orang ramai dapat mengetahui cara yang mereka lakukan dan sekaligus mampu menambahkan ilmu pengetahuan mereka yang sedia ada. Kesannya, mereka akan menanam perasaan cinta kepada nilai-nilai warisan yang bernilai ini.

Melalui bab ini juga, pengkaji dapat membuat pemerhatian dalam menetapkan objektif kajian dan dapat mengetahui masalah yang dihadapi dalam membuat kajian ini. Tujuan utama pengenalpastian ini akan memudahkan penyelidik untuk menjalankan kajian. Dalam penyelidikan ini, pengkaji dapat menetapkan tajuk kajian berserta masalah yang akan dihadapi. Selain itu, skop kajian juga dapat ditentukan di sini agar kajian penyelidik tidak keluar daripada tajuk dan matlamat utama. Seterusnya, penyelidik akan menetapkan lokasi kawasan kajian yang terlibat iaitu di Muzium Negeri Kelantan Darul Naim. Terdapat beberapa faktor yang telah dikenalpasti dalam pemilihan tapak kajian ini salah satunya ialah Muzium Negeri adalah salah satu muzium yang terbesar di Kelantan. Akhir sekali, pengkaji akan merancang dari segi tempoh masa untuk menyiapkan penyelidikan ini.

BAB 2

PENGURUSAN KOLEKSI PERMAINAN TRADISIONAL WAYANG KULIT.

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini penyelidik akan menghuraikan secara lebih mendalam berkaitan aspek pengurusan Permainan tradisional wayang kulit yang terdapat di muzium Negeri Kelantan. Pengurusan yang dilakukan mempunyai polisi-polisi yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, penyelidik akan menerangkan aspek-aspek asas atau prosedur-prosedur asas yang terlibat dalam penjagaan permainan tradisi ini. Dalam bahagian ini juga, penyelidik akan menerangkan konsep sebenar wayang kulit itu dan bagaimana permainan tradisi ini boleh menjadi salah satu daripada ciri-ciri warisan budaya ketara yang penting di Malaysia. Seperti mana yang kita sedia maklum, muzium adalah salah satu bangunan yang berperanan untuk menyimpan koleksi selaras dengan fungsi bangunan tersebut sebagai tapak penyimpanan warisan-warisan negara yang dianggap berharga. Tambahan pula, keseluruhan bab 2 ini dikaji berdasarkan skop kajian yang telah ditentukan oleh penyelidik iaitu memahami konsep sebenar pengurusan koleksi, definisi wayang kulit, definisi muzium, prosedur yang digunakan dalam penjagaan wayang kulit tersebut dan bagaimana keberkesanan prosedur dijalankan. Selain itu, penyelidik juga menggunakan beberapa rujukan untuk membantu menjayakan penyelidikan ini.

2.2 Wayang Kulit

Kelantan terkenal dengan sesebuah negeri yang mahir dalam mempersembahkan wayang kulit dan wayang kulit ini adalah satu simbolik bagi negeri itu. Wayang kulit di Kelantan dipercayai wujud di Kemboja dan dibawa masuk ke Kelantan melalui Patani. Boneka bergerak atau lebih dikenali sebagai Wayang Kulit adalah salah satu permainan tradisional yang menjadi kegemaran rakyat Malaysia. Permainan ini merupakan warisan seni yang mempunyai keunikan dan keindahan yang tersendiri. Negeri Kelantan adalah salah satu negeri yang terkenal dengan keindahan wayang kulitnya sehinggakan pihak Jabatan Warisan telah mewartakan wayang kulit ini sebagai warisan budaya ketara di Malaysia. Pengertian “Wayang” dalam Bahasa Melayu bermaksud satu bayang-bayang atau gambar-gambar yang beraksi di kalir dan di atas panggung. Bayang-bayang ini telah dihasilkan dan digerakkan oleh Dalang. Dalang bermaksud seseorang yang melakukan persembahan di sebalik kalir tersebut (Bujang, 2007). Menurut Othman (2011), wayang kulit merupakan satu pergerakan bergambar yang dilakukan dalam persembahan. Kewujudan wayang kulit di Malaysia sudah lama bertapak iaitu sekitar 400 tahun dahulu (Yusoff, 2011). Menurut beliau juga, permainan bayang ini

diklasifikasikan sebagai satu persembahan teater tradisional yang menghasilkan imej atau bayang-bayang boneka dalam bentuk 2 dimensi.

Di sini juga, persembahan wayang kulit dianggap sebagai persembahan teater tradisional terkenal yang menjadi hiburan kepada masyarakat. Kerana aliran cerita wayang kulit ini memberikan unsur-unsur melucukan disamping memberikan nasihat dan pedoman dalam kehidupan. Hal ini telah menarik minat masyarakat untuk mengenali dan mempelajari sendiri persembahan boneka ini. Walaupun begitu, sesuai dengan arus pemodenan, persembahan dahulu kala yang hanya menggunakan cahaya lampu daripada kerosin telah bertukar kepada cahaya menggunakan mentol elektrik (Bujang, 2007). Permainan wayang kulit ini akan dimainkan pada waktu malam dan mengambil masa kira-kira lapan jam dan akan disambung semula pada waktu malam yang berikutnya (Sweeney, 1979). Wayang kulit mempunyai beberapa jenis dan bentuknya berbeza antara satu dengan yang lain. Sebagai contohnya, wayang kulit jawa. Keunikan hasil seni ini ingin didedahkan kepada negara-negara yang lain khususnya pada peringkat global agar mereka lebih mengetahui ketertinggian nilai warisan seni malaysia. Oleh itu, pihak pemuziuman akan melakukan pengendalian yang maksimum untuk memastikan koleksi ini terjaga dan tidak pupus ditelan zaman.

Malaysia mempunyai empat jenis wayang kulit yang agak dikenali iaitu Wayang Kelantan. Wayang kulit jenis ini disampaikan menggunakan bahasa dialek negeri kelantan itu sendiri dan sedikit pengaruh bahasa Patani. Jenis yang kedua iaitu Wayang Melayu. Wayang kulit ini disampaikan dalam bahasa melayu dan bahasa jawa. Ketiga, Wayang Purwo. Wayang purwo adalah wayang kulit yang satu satunya menggunakan bahasa thailand dan sedikit loghat bahasa melayu tempatan. Keanekaan wayang kulit ini dapat membuktikan bahawa permainan tradisi telah mendapat tempat di kalangan masyarakat kita. Hal ini dikatakan demikian kerana permainan ini bukan sahaja wujud dalam bentuk persembahan semata-mata bahkan boleh dijadikan sebagai alat hiburan (permainan) kepada seluruh lapisan masyarakat. Tetapi zaman kini, wayang kulit banyak digunakan dalam membuat persembahan. Kesimpulannya, wayang kulit merupakan satu warisan seni yang mampu diperkembangkan ke peringkat yang lebih tinggi di mana wayang kulit ini perlu didedahkan kepada semua masyarakat tidak kira dalam negara mahupun luar negara.

2.3 Warisan Ketara

Warisan adalah sesuatu perkara yang dapat diterima oleh seseorang secara turun temurun dan akan diwariskan dalam satu generasi ke generasi yang lain (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, 2007). Definisi ini telah disokong oleh beberapa akta yang telah termaktub iaitu Akta Warisan Kebangsaan 2005. Menurut akta sedemikian, warisan ketara ialah warisan yang dapat dilihat dan dapat disentuh. Menurut akta kebangsaan 2005, warisan adalah mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan tanah air atau mana-mana orang hidup yang telah diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Hal ini telah diperjelaskan lagi dalam seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan. Warisan bermaksud adalah satu peninggalan generasi pada zaman dahulu kepada generasi kini melalui hasil-hasil pembuatan tangan, pemikiran, falsafah dan kreativiti mereka. Peninggalan inilah yang ingin dipraktikkan dalam cara kehidupan mereka kini dan diubahsuai mengikut keadaan tertentu (Resdimona, 2019). Warisan di malaysia terbahagi kepada dua bahagian iaitu warisan ketara dan tidak ketara. Wayang kulit dikatakan warisan ketara kerana ciri-cirinya yang tersendiri. Warisan ketara dapat diperjelaskan lagi dalam aspek bahasa dan perbahasan seperti peribahasa, gurindam, pantun, seloka, muzik, lagu tradisi, ungkapan lisan dan cerita lisan rakyat (Resdimona, 2019).

Permainan wayang kulit dikategorikan sebagai objek warisan ketara Kebangsaan 2007 di malaysia. Pengkategorian ini dilakukan dengan mengambil berat fungsi wayang kulit itu yang dapat diterima masyarakat dan boleh diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Selain itu, pengiktirafan warisan ini juga ditakrifkan sebagai harta peninggalan atau harta pusaka yang dapat diwarisi. Hal ini bermaksud setiap kreativiti mereka dapat diterima oleh umum dan boleh diwariskan ke generasi yang akan datang. Ini juga disokong oleh Akta Harta Benda Purba 1976 yang menyatakan bahawa apa-apa perkara yang dilakukan oleh mereka pada masa dahulu mampu digunakan oleh manusia pada masa kini dan alatan tersebut masih digunakan sebagai alat dalam meneruskan kehidupan. Hal ini bermaksud warisan tersebut boleh diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Kesimpulannya, permainan wayang kulit merupakan warisan ketara yang amat dititikberatkan penjagaanya.

2.4 Muzium

2.4.1 Konsep Muzium

Muzium merupakan satu tempat atau bangunan yang bertanggungjawab menyimpan barang-barang lama atau kuno. Menurut Kamus Dewan 2000, muzium didefinisikan sebagai suatu peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku pada masa lampau. Peristiwa bersejarah ini sememangnya akan memberikan kesan kepada diri masyarakat untuk lebih menghayati peristiwa bersejarah dan seterusnya nilai penghayatan dapat diterapkan. Peristiwa lampau merupakan sesuatu sejarah yang penting untuk memajukan sesebuah negara dari segi ekonomi, sosial, budaya dan sebagainya. Hal ini dikatakan sedemikian kerana setiap jalan cerita tentunya akan meninggalkan bukti sejarah seperti artifak, monumen, koleksi budaya masyarakat, permainan dan banyak lagi. Penghayatan yang maksimum dalam diri sesebuah masyarakat akan membolehkan penerapan nilai-nilai murni dalam diri mereka dan seterusnya membantu dalam memakmurkan negara. Sebagai contohnya, mereka akan menjaga bukti-bukti bersejarah tersebut daripada rosak. Di samping itu, tinggalan-tinggalan sejarah ini amat penting untuk dilihat oleh generasi pada masa akan datang agar mereka mampu menjadi salah satu pewaris warisan tersebut. Oleh itu, pihak JMM atau Jabatan Muzium Malaysia amat memainkan peranan dalam menjaga kelangsungan tinggalan yang penuh bersejarah ini. Usaha pihak muzium dalam menjaga warisan yang penting ini dapat dilihat melalui penubuhan 20 Muzium di bawah JMM iaitu Muzium Negara, Muzium Kuala Kedah, Muzium Sungai Lembing, Muzium Seni Bina Malaysia dan banyak lagi.

2.4.2 Institusi Permuziuman

Kebiasaannya, kita memahami bahawa muzium adalah satu bangunan yang menyimpan barang-barang yang telah lalu. Tetapi sekarang persepsi itu telah berubah kerana masyarakat mula mengetahui bahawa muzium bukan sahaja tempat menyimpan barangan lama bahkan ianya merupakan pusat penyebaran ilmu pengetahuan yang luas (Nur Auni Ugong, 2018). Muzium Negara yang pertama di Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1963 dengan melantik beberapa Kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus bangunan tersebut. Salah satunya ialah Jabatan Warisan Negara (Perundangan Malaysia, 2005). Penubuhan institusi permuziuman ini memberi makna bahawa betapa pentingnya penjagaan warisan budaya dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, penubuhan muzium ini dapat membantu Malaysia untuk

memelihara dan memulihara warisan agar tidak hilang ditelan zaman disebabkan kepesatan pemodenan kini.

Institusi pemuziuman yang kita tahu adalah institusi yang berperanan menjalankan segala aktiviti pelaksanaan, pengurusan, pengendalian yang teliti ke atas koleksi-koleksi artifak sama ada yang telah rosak ataupun tidak. Pengurusan ini bukan sahaja melibatkan pengendalian secara manual tetapi juga secara maya (Teknologi Digital). Kebanyakannya, di negara-negara barat seperti Amerika lebih cenderung menggunakan teknologi moden untuk menjaga warisan negara mereka bahkan kerap kali melakukan pengubahsuaian dan transformasi ke atas muzium tersebut. Sebagai contohnya, **The Wired Museum**, Washington: American Association of Museums *“New technologies are beginning to cause significant changes in the way museums perform their functions and in the way they are perceived by the public. The rapid conversion of text and images into digital form will affect work processes within the museum. Technological developments are making collection management systems and interactive exhibits begin to share more characteristics in common. The advent of faster processors, higher capacity digital storage, and more efficient”*.

Selain itu, peranan institusi pemuziuman ini juga diterapkan oleh negara-negara lainnya. Misalnya, Indonesia telah membina muzium pertama mereka iaitu Museum Radya Pustaka. Muzium ini adalah muzium yang menempatkan koleksi seni rupa moden masyarakat Indonesia. Muzium ini berperanan untuk menyebarkan kepada pengunjung tentang budaya moden masyarakat Indonesia ke seantero dunia. Selain itu, terdapat juga muzium yang menyimpan sejarah-sejarah kewujudan awal sesebuah negara seperti Muzium Nasional di Thailand yang dinamakan sebagai Museum National Bangkok. Muzium berfungsi sebagai tempat mempamerkan artifak Thailand dan sejarah negara mereka. Akhir sekali, peranan Muzium British di London. Muzium ini terkenal dengan keindahan seni binanya dan merupakan salah satu muzium yang menceritakan berkaitan peradaban manusia pada zaman dahulu kala. Oleh itu, muzium ini bertanggungjawab untuk menyimpan koleksi-koleksi kuno masyarakat mesir purba khususnya. Kesimpulannya, muzium amat penting untuk menyimpan barangan yang dianggap sebagai satu simbolik bagi sesebuah negara kerana setiap negara mempunyai cerita sejarahnya yang tersendiri.

2.5 Pengurusan Koleksi

Pengurusan koleksi bermaksud penyimpanan artifak-artifak bersejarah dan mempunyai nilai warisan yang tinggi di tempat-tempat tertentu bagi menjaga, merawat, memelihara dan memulihara tinggalan-tinggalan ini daripada rosak dan kekal lama kewujudannya. Dalam sesebuah negara, untuk menjaga koleksi-koleksi ini dengan lebih tersusun dan rapi, terdapat prosedur-prosedur yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan iaitu Jabatan Warisan Negara dan setiap badan-badan pemuziuman perlu mematuhi setiap elemen yang digariskan dalam prosedur tersebut. Menurut ICOM iaitu Majlis Muzium Antarabangsa menyatakan bahawa pengurusan koleksi di muzium perlu sempurna dan mengikut piawaian yang betul. Hal ini bermaksud setiap pemerolehan koleksi ini perlu mengikut urutan-urutan yang teratur iaitu bermula daripada peringkat pemerolehan artifak sehinggalah diperingkat pameran artifak dan storan.

Dalam sesebuah muzium juga, penjagaan ke atas koleksi amat diberi perhatian. Oleh sebab itu, kaedah pengurusannya telah dimasukkan dalam akta. Oleh hal yang demikian, Kajian kali ini akan mengupas dengan lebih terperinci berkaitan pengurusan koleksi yang dilakukan oleh pihak Jabatan Muzium Negeri Kelantan dalam mengendalikan koleksi warisan. Kajian ini akan sedikit sebanyak mengupas teknik-teknik penjagaan yang mereka lakukan sama ada mengikut prosedur yang telah ditetapkan atau sebaliknya. Pengurusan koleksi meliputi beberapa peringkat yang utama iaitu pada peringkat utama ialah pemerolehan artifak. Pemerolehan ini boleh didapati melalui pembelian, pinjaman, hadiah, wakaf, wasiat daripada seseorang individu ke individu yang lain dan penyelidikan di lapangan. Peringkat kedua ialah pendaftaran koleksi. Pendaftaran ini akan dibuat melalui pengisian borang ataupun pihak muzium menyediakan buku rekod. Peringkat ketiga pula ialah penstoran atau penyimpanan artifak sama ada di kawasan tertutup atau terbuka dan peringkat terakhir ialah konservasi. Konservasi akan dilakukan terhadap koleksi yang dilihat rosak dan seterusnya aktiviti pemuliharaan akan dibuat.


2.5.1 Polisi Pengurusan Koleksi

Prosedur pengurusan koleksi terbahagi kepada empat bahagian iaitu pemerolehan koleksi, pendaftaran koleksi, penstoran atau penyimpanan dan konservasi. Semua ini akan diterangkan oleh penyelidik dalam laporan ini satu persatu nanti. Penyelidik akan melakukan temu bual secara langsung kepada kakitangan-kakitangan muzium untuk menanyakan tentang hal ini. Di samping itu, penyelidik akan mencuba untuk melihat sendiri contoh-contoh

pemerolehan koleksi ataupun rekod-rekod yang telah mereka buat sebelum ini sebagai bukti kukuh dalam penulisan penyelidikan ini. Setelah itu, penyelidik akan menulis secara jelas berkaitan prosedur pengurusan koleksi muzium yang kedua iaitu pendaftaran koleksi wayang kulit.

- a) Pemerolehan Koleksi
 - i) Melalui Pinjaman

Pemerolehan koleksi adalah satu peringkat awal dalam mendapatkan sesuatu koleksi untuk diletakkan dalam muzium. dengan kata lain, pengambilan koleksi ini mempunyai proses-proses yang tersendiri. Dalam penyelidikan ini penyelidik akan menerangkan dengan lebih mendalam bagaimana pihak muzium mendapatkan koleksi tersebut. Proses pemerolehan ini terdiri daripada pemerolehan secara pinjaman, hadiah, wakaf dan wasiat daripada individu tertentu. Kaedah pemerolehan secara pinjaman bermaksud koleksi tersebut dipinjam untuk sementara waktu dan akan dikembalikan kepada pemilik asal dalam tempoh yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Hal ini dilakukan kerana tempoh peminjaman ini tidak dapat dibuat untuk jangka masa yang panjang. Penyelidik akan menerangkan secara ringkas berkaitan prosedur-prosedur asas dalam membuat pinjaman koleksi muzium (Jabatan Muzium Malaysia, 2000).




Rajah 1.3: Carta alir Kaedah Pemerolehan Koleksi melalui Pinjaman

Proses pemerolehan koleksi akan dimulakan dengan proses menyemak rekod sasaran perolehan Tahunan bagi sesebuah muzium. Tujuannya adalah untuk melihat sebanyak mana koleksi yang telah dipinjam dan bagaimana tempoh pinjaman tersebut sama ada mengikut tempoh penghantaran yang ditetapkan atau tidak. Setelah semuanya dalam keadaan baik, perbincangan kedua-dua pihak akan dilakukan. Proses perbincangan ini akan melibatkan proses-proses dalam pengambilan koleksi. Termasuk tarikh pengambilan dan sebagainya. Setiap penerimaan koleksi yang dibuat oleh muzium akan dicatatkan atau direkodkan dalam buku log atau secara talian bagi memudahkan proses penyimpanan maklumat koleksi dan sekaligus tempoh masa yang ditetapkan untuk penghantaran koleksi tersebut kepada pemilik asal. Kebiasaannya, muzium akan melakukan catatan bagi semua aktiviti keluar masuk koleksi bagi memudahkan koleksi mudah untuk di jejak atau dicari keberadaanya supaya tidak hilang. Sebagai contohnya, pihak muzium akan menyediakan rekod yang meliputi elemen-elemen nama artifak atau objek, ciri-ciri objek, asal usul dan banyak lagi. Kesimpulannya, kaedah pemerolehan koleksi yang bersejarah mempunyai cara-cara pemerolehannya yang berlainan daripada kaedah peminjaman yang biasa kita lakukan. Kerana setiap proses ini mempunyai caranya yang tersendiri yang perlu dipatuhi dan bukan sewenang-wenangnya.

ii) Pembelian

Proses mendapatkan koleksi melalui pembelian adalah proses biasa yang dilakukan oleh muzium dan proses ini adalah proses yang amat berkesan dalam mendapatkan koleksi. Buktinya, sebanyak 95% kaedah yang dilakukan untuk mendapatkan koleksi melalui cara pembelian (Unit Pendaftaran, JMM). Proses pembelian koleksi adalah melibatkan perolehan secara rundingan terus, Jawatankuasa Penilaian Tawaran Harta Kebudayaan (Teknikal), Jawatankuasa Pembelian Harta Kebudayaan, Jawatankuasa Khas Penilaian Artifak Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dan Lembaga Perolehan ‘B’ Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Jawatankuasa-jawatankuasa yang disebutkan ini adalah pihak-pihak jabatan yang akan memainkan peranan dalam menguruskan berkaitan proses pembelian koleksi yang dilakukan oleh pihak muzium. Kaedah pembelian ini juga mempunyai prosedurnya yang tersendiri yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan yang tersendiri. Penyelidik akan menunjukkan rajah 1.4 bagi memudahkan kefahaman berkaitan proses yang berkaitan (Jabatan Muzium Malaysia, 2000).



Rajah 1.4: Carta alir Kaedah Pemerolehan Koleksi secara Pembelian

Proses mendapatkan koleksi melalui kaedah pembelian juga mempunyai cara-caranya yang telah ditentukan oleh pihak muzium. Peringkat permulaan, kakitangan muzium telah mendapat arahan untuk membuat pembelian terhadap sesuatu artifak atau koleksi. Mereka akan mengenal pasti terlebih dahulu berkaitan tawaran koleksi yang ingin dibeli kerana tidak semua koleksi boleh dibeli. Selepas mendapatkan kelulusan untuk dibeli daripada pihak terlibat, proses penyediaan butiran-butiran koleksi akan dibuat bertujuan penghasilan laporan. Misalnya, segala maklumat koleksi akan dicatat dalam satu buku khas atau perekodan dan kemungkinan sesetengah muzium menggunakan teknologi digital untuk merekod butiran koleksi. Setelah laporan butiran koleksi diteliti, koleksi akan diambil, disimpan dan pendokumentasian akan dijalankan. Proses terakhir akan melibatkan mesyuarat pihak-pihak muzium yang terlibat bagi membincangkan penentuan harga koleksi berkenaan. Harga ini perlu mendapatkan kelulusan daripada Menteri Kewangan. Setelah menteri kewangan meluluskan nilai harga koleksi itu, pembayaran akan dilakukan dan proses ini tamat (Jabatan Muzium Malaysia, 2000).

iii) Hadiah

Muzium mendapatkan koleksi juga dilakukan melalui pemberian hadiah daripada orang-orang yang berkepentingan. Kebiasaannya, hadiah ini diberikan sebagai tanda penghargaan kepada pihak muzium dalam usaha-usaha menjayakan program-program muzium yang berkepentingan dan mampu memberikan impak yang besar terhadap sesebuah negara. Proses pemerolehan koleksi secara hadiah adalah terdiri daripada hadiah dari orang perseorangan, hadiah dari pembekal antik, hadiah dari organisasi atau institusi awam dan swasta dan akhir sekali dari masyarakat yang kurang berpengetahuan dan kesedaran mengenai warisan. Proses pemerolehan dalam bentuk hadiah ini bukanlah satu kaedah pemerolehan yang mudah kerana ianya melibatkan dasar yang tertentu. Penyelidik akan menerangkan berkaitan prosedur pemerolehan koleksi melalui hadiah (Unit Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia JMM).




Rajah 1.5: Carta alir Kaedah Pemerolehan Koleksi Secara Hadiah

Pada awalnya, pihak yang menerima akan ditawarkan untuk diberikan koleksi atau artifak daripada mana-mana pihak atau mana-mana agensi. Setelah itu, sekiranya pihak muzium menerima tawaran tersebut, proses semakan perolehan tahunan sudah pasti akan dilakukan dan mereka akan membuat pemeriksaan kertas perakuan. Seterusnya, keputusan jawatankuasa untuk menerima pemberian tersebut atau menolak. Sekiranya, pemberian itu ditolak, mereka akan menyerahkan kembali koleksi tersebut dan jika diterima mereka akan menyediakan draf perjanjian atas kelulusan Penasihat Undang-Undang dan Ketua Pengarah. Setelah selesai,

koleksi akan diterima dan didaftarkan dalam senarai koleksi yang terdapat di muzium.

iv) Sumber-sumber Lain

Di samping itu, terdapat juga cara pemerolehan koleksi daripada sumber-sumber lain. Sumber-sumber ini wujud dalam tiga bentuk iaitu dari sumber jumpaan, sumber cari gali arkeologi dan dari pengumpulan spesimen alam semula jadi. Kaedah pemerolehan koleksi daripada sumber jumpaan kebanyakannya tidak disengajakan ketika sedang melakukan lawatan ke tapak-tapak yang bersejarah seperti tapak arkeologi. Kaedah mendapatkan koleksi melalui sumber cari gali arkeologi pula akan melibatkan proses pengorekan bawah tanah untuk mengenal pasti tinggalan-tinggalan sejarah yang ada. Akhir sekali, pengumpulan spesimen alam semula jadi. Pengumpulan spesimen ini adalah sangat penting kepada pihak muzium di mana muzium akan berusaha semaksimum mungkin untuk melindungi, memelihara dan memulihara spesimen semula jadi ini daripada hilang bentuk asalnya. Prosedur kaedah pemerolehan ini agak sama dengan kaedah pemerolehan secara pinjaman iaitu bermula dengan proses penerimaan maklumat, perbincangan, keputusan sehinggalah proses penerimaan dan penolakan. Kebiasaannya, bahan-bahan spesimen yang dikumpulkan bergantung kepada beberapa sebab iaitu bahan tersebut belum ada dalam senarai koleksi muzium, bahan yang mempunyai unsur-unsur kebudayaan yang mempunyai perkaitan sejarah sesebuah negara dan muzium mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi untuk mendapatkan koleksi spesimen.



Rajah 1.6: Carta alir Kaedah Pemerolehan Koleksi melalui sumber-sumber lain


b) Pendaftaran Koleksi

Pendaftaran koleksi adalah satu elemen yang penting dalam penjagaan warisan. Pendaftaran koleksi dianggap penting kerana ianya adalah kaedah awal untuk meluluskan koleksi tersebut sama ada sesuai berada di muzium atau tidak. Pendaftaran koleksi juga merujuk kepada proses mendaftar, menyimpan, melabel, menombor dan melakukan pendokumentasian keatas koleksi yang diperolehi oleh sesebuah muzium. Tujuan utama pendaftaran koleksi dilakukan untuk melindungi, memelihara dan memulihara koleksi yang ada agar tidak mudah mengalami sebarang kerosakan yang berpanjangan. Selain itu, pendaftaran koleksi dibuat bagi tujuan perekodan untuk memudahkan urusan penyimpanan dan penggunaannya di muzium. Pada asasnya, proses pendaftaran koleksi muzium melibatkan tiga bahagian utama iaitu bahagian maklumat pengurusan, maklumat deskriptif dan maklumat sejarah. Setiap peringkat ini akan diterangkan nanti oleh penyelidik secara menyeluruh dan akan disertakan beberapa gambar sebagai bukti proses tersebut dijalankan.

Maklumat pengurusan dapat didefinisikan sebagai pengurusan katalog atau nombor siri yang diperolehi daripada sesebuah koleksi untuk dijadikan sebagai bahan rujukan terutamanya untuk kegunaan pihak muzium. Selain daripada itu, bahagian ini akan menerangkan lokasi penyimpanan koleksi dan cara pemerolehan. Kedua, maklumat deskriptif. Maklumat deskriptif merujuk kepada proses pemilihan koleksi atau artifak, proses pengklasifikasi. Sebagai contohnya, wayang kulit adalah diklasifikasikan sebagai alat permainan dan persembahan warisan budaya dan artifak Etnologi seperti Mesozoic diasingkan ke bahagian-bahagian yang lain. Keadaan sedemikian dapat dilihat semasa pameran atau penyimpanan dilakukan. Semasa pameran kita akan dapat lihat koleksi berbentuk artifak dan tembikar akan diletakkan di ruang yang berlainan dengan ruang perletakan alatan warisan budaya. Tujuan utama klasifikasi ini untuk memudahkan pemantauan dilakukan.

Akhri sekali, maklumat sejarah. Setiap koleksi atau objek-objek yang bersejarah mempunyai jalan ceritanya yang tersendiri. Oleh itu, maklumat sejarah ini amat penting untuk didedahkan kepada pelawat yang mengunjungi muzium. oleh sebab itu, setiap koleksi yang dipamerkan dalam muzium akan disertai sedikit maklumat sejarah berkaitannya agar masyarakat mengetahui jalan cerita (*Story Telling*). Menurut responden, setiap koleksi yang dipamerkan di muzium perlu signifikan terhadap sesebuah masyarakat pada zaman dahulu dan masa kini. Terdapat beberapa komponen utama yang perlu dititikberatkan dalam elemen maklumat sejarah ini iaitu aspek sejarah. Misalnya, kewujudan wayang kulit ini sebagai alat

permainan dan digunakan dalam persembahan pada zaman dahulu menjadi bukti perkembangan budaya masyarakat secara turun temurun dan masih dikekalkan nilai warisannya sampai sekarang walaupun terdapat sedikit pengubahsuaian disebabkan pemodenan iaitu kepesatan penggunaan teknologi yang lebih maju pada zaman kini. Tetapi nilai sejarahnya pada zaman dahulu masih kekal dalam pemikiran masyarakat kini. Kesimpulannya, setiap koleksi yang hendak dipaparkan atau ditunjukkan kepada masyarakat perlulah mempunyai maklumat sejarahnya dan seterusnya masyarakat akan mengetahui nilai-nilai warisannya dan mampu menanam perasaan cinta akan warisan kebudayaan yang sedia ada. Berikut penyelidik akan menyediakan rajah 1.7 tentang peringkat-peringkat asas dalam membuat pendaftaran objek warisan.



Rajah 1.7: Carta alir Prosedur Pendaftaran Koleksi

Pendaftaran objek akan dibuat dalam buku koleksi tahunan yang telah selesai disemak oleh pihak-pihak terlibat muzium. selepas itu, pengesahan akan dibuat dan pengkategorian setiap objek akan dibuat bagi memudahkan pihak muzium mengetahui jenis koleksi yang berada di muzium mereka. Setelah klasifikasi setiap koleksi telah selesai dijalankan, mereka akan mula melekatkan tag dan menombor setiap koleksi yang telah ditetapkan serta pengambilan gambar adalah wajib sebagai bukti dalam perekodan maklumat semua koleksi yang ada. Akhir sekali, penyediaan inventori. Tujuan utama inventori dilakukan adalah sebagai paparan atau Display, sebagai kajian dan rujukan, pendidikan, interaksi serta banyak lagi.

c) Konservasi

Konservasi juga termasuk dalam polisi pengurusan koleksi. Konservasi merujuk kepada aktiviti mengenal pasti kerosakan koleksi atau artifak melalui proses pemakmalan. Pengkonservasian ini sekaligus dapat mengenal pasti faktor-faktor kerosakan yang dialami oleh sesebuah koleksi dan seterusnya cara yang paling berkesan untuk mengatasinya dapat dikenal pasti. Konsep konservasi secara globalnya adalah saling berkait antara satu dengan yang lain (Mohamad Shawali Badi, 2000). Menurut beliau juga, setiap istilah konservasi ini mempunyai konsep dan definisinya yang tersendiri. Antara istilah tersebut ialah Konservasi (*conservation*). Konservasi jenis ini melibatkan kerja-kerja pemulihan atau penambahbaikan monumen tapak-tapak bersejarah dan bahan binaan yang seakan-akan sama dengan keadaan asal. Hal ini bermakna mereka akan menambah apa-apa sahaja yang serupa dengan kejadian asal untuk memulihara keasliannya. Sebagai contohnya, seni bina yang telah luntur warnanya akan dicari warna cat yang hampir sama dengan warna yang asal.

Selain itu, konservasi jenis Preservasi (*Preservation*). Konservasi preservasi merujuk kepada kerja-kerja pemantauan atau pengawasan tapak-tapak bersejarah. Hal ini bertujuan menjaga tapak-tapak tersebut daripada sebarang kemusnahan yang akan menghilangkan nilai-nilai warisannya yang sedia ada. Hal ini bermakna penjagaan mengikut prosedur perlu dilaksanakan secara saintifik bagi memastikan tahap keberkesanan memuaskan. Ketiga, restorasi (*Restoration*). Restorasi didefinisikan sebagai aktiviti pembaikpulihan yang melibatkan kerja-kerja pembinaan semula. Pembinaan semula biasanya akan melibatkan bangunan-bangunan atau seni bina yang besar yang mempunyai tahap kerosakan yang maksimum. Tetapi dalam kajian ini, penyelidik tidak akan melakukan konservasi jenis ini kerana koleksi berbeza antara satu dengan yang lain iaitu koleksi wayang kulit.

Kaedah konservasi ini juga dibuat dengan berdasarkan prinsip-prinsip yang tertentu. Prinsip yang pertama ialah kaedah perawatan perlu dilakukan secara kuratif dan bukan mengembalikan kepada keadaan asal, mengembalikan semula ke tahap yang paling hampir dengan yang asal, mengekalkan keaslian, meminimumkan penggantian, pelaksanaan kerja oleh pakar-pakar yang berpengetahuan dalam bidang tersebut seperti kurator profesional, kaedah kerja menggunakan pendekatan sistematik, perancangan kos yang merangkumi pelbagai aspek iaitu keselamatan dan kos-kos penyelenggaraan dan akhir sekali setiap kerja-kerja yang dilakukan perlu direkodkan atau didokumentasikan untuk kegunaan pihak pemuziuman.

Penyelidik akan mengupas kaedah pengkonservasian koleksi wayang kulit ini dengan lebih terperinci. Penyelidik akan melihat sendiri ruang-ruang atau kawasan-kawasan yang dijadikan sebagai pusat pengkonservasian koleksi wayang kulit. Hal ini akan membantu penyelidik mendapatkan gambar-gambar disamping dapat menyaksikan sendiri bagaimana proses tersebut dibuat. Tetapi kemungkinan kaedah konservasi koleksi wayang kulit ini berlainan antara koleksi yang lainnya. Kajian secara lebih mendalam akan dijalankan oleh penyelidik dalam penyelidikan ini. Penyelidik juga akan menulis berkaitan sebarang penambahbaikan atau pengubahsuaian yang dianggap relevan untuk menjaga koleksi dengan lebih baik lagi. Di sini penyelidik akan mengajukan beberapa soalan kepada orang sumber sama ada beliau mempunyai pendapat sendiri berhubung usaha pemeliharaan wayang kulit ini atau masih mengekalkan kaedah yang sedia ada. Akhir sekali, penyelidik akan membuat rumusan dan ulasan tentang keseluruhan kajian ini sama ada iainya dapat memenuhi objektif atau sebaliknya.

d) Penyimpanan/Storan

Kaedah penyimpanan dan storan adalah kaedah pengurusan koleksi muzium yang terakhir. Peringkat ini penyelidik akan menerangkan bagaimana koleksi wayang kulit ini disimpan atau dipamerkan. Konsep penyimpanan wajib untuk dilakukan bagi tujuan menghalang agen-agen perosak daripada merosakkan tinggalan-tinggalan sejarah. Bukan itu sahaja, kemasukan cahaya yang maksimum juga akan mempengaruhi keadaan asal koleksi (UV DAN IR), kelembapan serta kecuaiian manusia itu sendiri ketika memegang (handling) koleksi berkaitan. Oleh sebab itu, kaedah penyimpanan yang berkesan mesti dilakukan untuk memanjangkan usia koleksi tersebut. Misalnya, koleksi yang diperbuat daripada kayu kayan perlu dikawal haba dan cahayanya bagi mengelakkan koleksi musnah. Kaedah penstoran koleksi di muzium melibatkan beberapa jenis pestoran iaitu penstoran terbuka, system bertingkat, sistem mudah alih (gantungan atau gelongsor), menggunakan roda, penstoran tertutup, penggunaan bekas, penggantungan di dinding dan sistem simpanan boleh dibuat. Tinjauan awal penyelidik ke kawasan kajian iaitu Muzium Negeri Kelantan penyelidik telah melihat sendiri patung wayang kulit disimpan di tempat yang boleh dilihat oleh pengunjung dengan pengawalan cahaya lampu di dalamnya.

2.6 Rumusan Bab

Hasil daripada kajian ini, penyelidik dapat menerangkan secara umum berkaitan konsep pengurusan koleksi, konsep wayang kulit dan serba sedikit asal usul boneka itu paling diutamakan dalam penyelidikan ini ialah proses-proses terlibat dalam penjagaannya. Pengetahuan asas berkaitan penyelidikan ini perlu dilakukan oleh penyelidik bagi memudahkan proses pengkajian dengan lebih mendalam. Penerangan konsep ini akan membantu penyelidik untuk menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada berkaitan pengurusan yang melibatkan koleksi-koleksi yang berada di muzium khususnya. Tambahan pula, penyelidik dapat membentangkan tentang sejarah kewujudan wayang kulit dengan lebih terperinci, aspek warisan budaya ketara, peranan institusi pemuziuman, polisi dan pengurusan. Polisi dalam pengurusan koleksi sememangnya mempunyai banyak cara penjagaannya dan amat bergantung kepada teknik-teknik pengendalian mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Penetapan prosedur ini dilakukan bertujuan memelihara keaslian objek warisan ini agar tidak mudah rosak dan musnah.


Selain daripada itu, penerangan secara umum berkaitan topik dalam bab 2 ini akan membantu penyelidik untuk mengetahui secara asas bagaimana penjagaan koleksi warisan dilakukan terutamanya koleksi yang agak berbeza dengan koleksi yang lain. Hal ini dikatakan sedemikian kerana objek warisan wayang kulit bukanlah berbentuk artifak, monumen atau tembikar yang mempunyai cara penjagaan yang rapi. Kemungkinan Pihak muzium mempunyai cara mereka yang tersendiri untuk memastikan koleksi ini terus terjaga. Oleh itu, pada akhir penyelidikan ini penyelidik akan mengetahui tindakan yang berkesan untuk memelihara dan memulihara koleksi permainan wayang kulit.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan tentang kaedah-kaedah yang digunakan dalam mengumpul data. Pengkaji telah menggunakan banyak metodologi bagi menyiapkan penyelidikan ini iaitu mendapatkan segala maklumat berkaitan prosedur yang dilakukan untuk menguruskan koleksi wayang kulit di muzium negeri dan bagaimana keberkesanan prosedur ini mampu mengukuhkan nilai warisan koleksi tersebut. Metodologi kajian perlu ada dalam sesuatu penyelidikan bagi memudahkan pelaksanaannya dapat dijalankan dengan baik. Selain itu, kaedah mendapatkan data seperti ini akan membantu penyelidik untuk menyelesaikan segala masalah yang timbul ketika membuat kajian. Kaedah pengumpulan data terbahagi kepada dua jenis iaitu kaedah pengumpulan data secara Kualitatif dan Kuantitatif. Kaedah kualitatif merangkumi cara mendapatkan data melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Manakala, kaedah kuantitatif melalui rujukan hasil-hasil kajian lepas berbentuk Jurnal, Tesis, Artikel, Buku dan sebagainya. Untuk memudahkan penyelidik lebih memahami berkaitan metodologi kajian ini, penyelidik telah menyediakan Rajah 2.0 bagi menerangkan berkaitan proses-proses dalam mengumpul data. Melalui penyediaan carta alir ini penyelidik akan lebih mudah dalam membuat kajian.



Rajah 2.0: Carta Alir Metodologi Kajian yang digunakan penyelidik

Carta alir ini menerangkan metodologi yang digunakan penyelidik untuk mendapatkan data. Penyelidik telah menggunakan dua sumber utama iaitu sumber Kualitatif dan sumber Kuantitatif. Namun, pengkaji lebih tertumpu kepada kaedah kualitatif kerana ianya amat sesuai untuk memastikan objektif kajian dalam penyelidikan ini tercapai. Kaedah kualitatif merupakan salah satu kaedah pengumpulan data melalui tinjauan ke kawasan kajian. Melalui tinjauan ini, penyelidik dapat melihat sendiri kawasan kajian yang hendak dikaji. Bahkan, dapat memudahkan penyelidik bertemu secara langsung dengan orang sumber dan melakukan temu bual bagi mendapatkan maklumat. Misalnya, tinjauan awal penyelidik ke lokasi kajian, penyelidik telah bertemu dengan seorang pegawai muzium di sana dan beliau telah memberi sedikit maklumat berkaitan koleksi wayang kulit. Walaupun beliau bukanlah kakitangan muzium di bahagian wayang kulit tetapi ilmu pengetahuannya yang sedia ada telah berjaya menarik minat penyelidik untuk menambah ilmu baharu.

Selain daripada itu, kaedah kuantitatif juga amat diperlukan dalam penyelidikan ini di mana dapat memastikan penyelidikan tidak tersasar atau lari daripada objektif utamanya. Kaedah kuantitatif adalah satu kaedah merujuk hasil-hasil kajian yang lepas dan dijadikan panduan untuk menghasilkan penyelidikan yang lebih baik. Penyelidik akan melakukan pembacaan secara menyeluruh dan seterusnya dapat mengenalpasti permasalahan kajian, skop kajian, kepentingan kajian serta dapat mengetahui seberapa banyak kajian-kajian ini telah dilakukan. Ini kerana ianya penting untuk memastikan kajian yang dilakukan penyelidik sentiasa berada di landasan yang betul. Antara elemen-elemen kaedah kuantitatif ialah thesis, jurnal, buku dan pendokumentasian.

3.1 Pengumpulan Data

i) Sumber Primer

Sumber primer merujuk kepada proses pengumpulan data yang diperoleh secara langsung melalui kaedah pemerhatian. Data yang dikumpul adalah bersifat terus daripada sumber yang asal. Sebagai contohnya, penyelidik telah datang sendiri ke lokasi kajian iaitu Muzium Negeri yang berada di Kota Bharu untuk melihat sendiri kawasan yang ingin dikaji. Hasilnya, penyelidik telah melihat koleksi permainan tradisional wayang kulit sedang dipamerkan di sana. Bukan itu sahaja, penyelidik bahkan berkesempatan bertemu dengan pihak-pihak muzium dan seterusnya menemu bual mereka untuk menanyakan serba sedikit tentang wayang kulit tersebut.

a) Tinjauan

Kaedah tinjauan atau pemerhatian merupakan satu proses pengumpulan data berbentuk primer. Kaedah ini juga dinamakan sebagai kaedah melawat kawasan kajian dan kaedah ini akan digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan. Kaedah ini amat penting di mana penyelidik dapat menyaksikan atau melihat sendiri lokasi kajian yang dijadikan tapak dalam penyelidikan. Tinjauan ini juga membantu penyelidik untuk mengenal pasti kawasan tersebut sama ada boleh dibuat kajian ataupun tidak. Oleh hal yang demikian, penyelidik telah melawat kawasan kajian iaitu Muzium Negeri Kelantan sebelum menjalankan kajian ini. Rajah di bawah ini sebagai bukti penyelidik telah melakukan lawatan ke kawasan kajian.




Rajah 2.1: Muzium Negeri di Kota Bharu Kelantan

Sumber: Kajian lapangan



Rajah 2.2: Gambar penyelidik dengan Wayang Kulit Panggung

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 2.3: Gambar Wayang Kulit Panggung

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 2.4: Gambar Wayang Kulit *Puppet*

Sumber: Kajian Lapangan




Rajah 2.5: Gambar penyelidik dengan Wayang Kulit *Puppet*

Sumber: Kajian Lapangan

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 2.6: Gambar Wayang Kulit Jawa

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 2.7: Penyelidik berada di lokasi kajian iaitu Muzium Negeri Kelantan

Sumber: Kajian Lapangan

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

a) Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual pula adalah satu kaedah di mana penyelidik akan berhubung secara langsung dengan kakitangan-kakitangan muzium untuk mendapatkan maklumat. Bukan itu sahaja, kaedah ini telah memudahkan penyelidik untuk menemui sendiri orang sumber. Orang sumber atau responden adalah individu yang amat memainkan peranan dalam menjayakan sesuatu penyelidikan. Ini kerana sesuai dengan objektif kajian, penyelidik memerlukan komunikasi secara langsung kepada individu ini untuk mengetahui dengan lebih jelas bagaimana mereka melakukan penjagaan ke atas koleksi iaitu wayang kulit. Semasa pengkaji melawat ke kawasan kajian, penyelidik telah diberitahu tentang setiap penjagaan koleksi di muzium tersebut. Iaitu setiap penjagaan koleksi di sana telah ditentukan termasuklah individu-individu yang telah diberi tanggungjawab. Sebagai contohnya, koleksi wayang kulit telah dikendalikan oleh seorang kakitangan muzium yang bernama Encik Nizam.



Rajah 2.9: Penyelidik telah menemu bual kakitangan-kakitangan di Muzium Negeri Kelantan

Sumber: Kajian Lapangan

ii) Sumber Sekunder

sumber sekunder dapat didefinisikan sebagai salah satu proses pengumpulan data melalui kajian-kajian yang sedia ada yang digunakan oleh penyelidik atau pihak lain untuk mengukuhkan lagi hasil penyelidikan yang sedang dijalankan. Kajian-kajian ini telah dijadikan panduan bagi menghasilkan penyelidikan yang baik dan lengkap. Misalnya, penyelidik telah merujuk hasil tesis-tesis, jurnal, artikel, buku dan banyak lagi.

i) Internet

Internet merupakan suatu rangkaian komputer yang memiliki banyak perincian yang mampu membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat. Sumber internet ini banyak memberi manfaat kepada pengguna terutamanya pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Internet dijadikan sebagai sumber rujukan yang mudah dan pantas dan boleh digunakan walau di mana sahaja. Sebagai contohnya, penyelidik telah menggunakan sumber internet ini untuk mencari jurnal-jurnal atau hasil-hasil kajian lepas sebagai panduan dalam merangka idea dalam penyediaan sesebuah penyelidikan. Oleh itu, sumber ini amat memainkan peranan untuk membantu memudahkan menyiapkan penyelidikan dengan lebih mudah.

ii) Tesis

Tesis merujuk kepada satu penyelidikan yang pernah dibuat oleh pengkaji-pengkaji pada masa dahulu atau lebih dikenali sebagai sorotan kajian lepas. Kebanyakan penyelidik menggunakan thesis untuk membantu melakukan penganalisan data melalui rangka-rangka awal dalam penulisan mereka atau *proposal*. Tesis merupakan salah satu sumber rujukan yang banyak digunakan penyelidik. Sebagai contohnya, dalam kajian ini, penyelidik telah membaca lebih kurang 7 topik yang dianggap relevan dan bersesuaian dengan penyelidikan ini iaitu tesis oleh Siti Norakhma Binti Abd Mareh pada tahun 2015 bertajuk Pengurusan Koleksi di Muzium Islam Kelantan, Muhammad Hasnain Bin Yusoff bertajuk Konservasi Serangga: Kaedah Awetan Terhadap Kumbang Tanduk Menggunakan Resin, Norlaila Binti Atan dengan tajuk tesis beliau Pengurusan Pemeliharaan Koleksi Muzium Bugis dan banyak lagi.

iii) Jurnal

Jurnal juga adalah kaedah sekunder yang banyak digunakan oleh penyelidik untuk menghasilkan kajian. Jurnal dapat membantu penyelidik untuk membuat metodologi penyelidikan yang sesuai dengan tajuk kajian. Penyelidik dapat mencari bahan-bahan ini menerusi *Google Scholar*. Google scholar adalah satu laman yang menyimpan pelbagai koleksi jurnal dan artikel-artikel yang padat dan menyeluruh. Misalnya, jurnal yang bertajuk Prosedur Penjagaan koleksi Warisan di Jabatan Muzium Malaysia. Dihasilkan oleh (Zuraidah Hassan, Ab. Samad Kechot, 2012). Walaupun begitu, terdapat juga hasil thesis di sana.

iv) Buku

Penyelidik telah menggunakan beberapa buah buku sebagai panduan dalam membuat kajian ini. Buku yang telah ditemui oleh penyelidik dan hampir sama berkaitan kajian ini adalah buku yang bertajuk *Collection Management Policies* yang ditulis oleh **Marie Malaro**. buku ini adalah penjelasan tentang panduan dalam merancang dan mengurus koleksi atau objek-objek tinggalan sejarah dengan lebih teratur dan sistematik. Buku ini telah menyediakan cara-cara pengurusan tersebut dibuat dengan lebih mendalam. Kaedah pengurusan yang dibuat adalah merangkumi kepentingan polisi pengurusan koleksi tersebut, langkah-langkah untuk menyediakan polisi pengurusan, peraturan insurans dan memilih dasar yang terbaik. Misalnya, topik yang perlu dititikberatkan dalam pengurusan koleksi di Muzium adalah tujuan muzium dibuat, tujuan pengumpulannya, kaedah pelupusan koleksi, polisi pinjaman keluar masuk, pengendalian objek yang ditinggalkan dalam jagaan muzium dan akses ke koleksi benda.

v) Pendokumentasian

Kaedah pendokumentasian atau dokumentasi juga adalah cara pemerolehan data yang penting untuk menjayakan penyelidikan ini. Inilah salah satu sumber rujukan yang mampu membantu penyelidik untuk mendapatkan lebih banyak berkaitan pengurusan koleksi yang dibuat. Tanpa kaedah ini sudah tentu data yang diperoleh kurang dan tidak membantu dalam pelaksanaannya. Oleh itu, kaedah pendokumentasian merupakan satu kaedah yang digunakan oleh penyelidik dan diberi penekanan. Pendokumentasian adalah satu cara di mana penyelidik dapat melihat sendiri perekodan muzium berkaitan pengurusan koleksi yang mereka lakukan. Perekodan muzium. Kerana dokumentasi adalah satu penyimpanan maklumat koleksi yang menyeluruh dalam buku tertentu. Dokumentasi adalah satu rekod yang mencatat segala kemasukan dan keluarnya koleksi dan ada juga sesetengah muzium yang menjadikan rekod ini sebagai laporan tahunan mereka.

MALAYSIA
KELANTAN

3.4 RUMUSAN BAB

Metodologi penyelidikan merupakan satu elemen penting yang amat memainkan peranan dalam melaksanakan sesuatu kajian, metodologi kajian dikatakan amat penting kerana ianya membolehkan penyelidik mengenalpasti kaedah-kaedah yang sesuai digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan kajian ini. Sebagai contohnya, penyelidik akan lebih memilih kaedah kualitatif dalam kajian ini kerana proses temu bual bersama responden dapat dijalankan secara langsung dan amat berkesan. Walaupun begitu, penyelidik juga tidak ketinggalan untuk menggunakan bahan rujukan seperti jurnal, tesis, buku, rekod muzium dan internet bertujuan penambahan maklumat yang sedia ada. Bukan itu sahaja, bab ini juga ada menjelaskan perkaitan sesuatu kajian dengan teori. Hal ini akan mengukuhkan lagi hasil kajian dan seterusnya mampu mencapai objektif yang digariskan penyelidik.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan tentang hasil dapatan kajiannya. Bahagian ini juga akan memperincikan semua berdasarkan objektif yang telah disusun. Antara objektif kajian yang telah ditentukan ialah

1. Menenal pasti konsep sebenar Pengurusan Koleksi Permainan Tradisional Wayang Kulit yang dilakukan oleh Muzium Negeri Kelantan.
2. Bagaimanakah prosedur Pengurusan Koleksi Permainan Tradisional Wayang Kulit yang diuruskan di Muzium Negeri Kelantan.
3. Mengkaji Kaedah Penjagaan dan Pemeliharaan Koleksi Permainan Tradisional Wayang Kulit di Muzium Negeri Kelantan

Untuk menjayakan penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual untuk mendapatkan semua maklumat yang berkaitan. Kaedah ini dipilih oleh penyelidik kerana ianya mampu memberi kemudahan dalam proses pengumpulan data. Lagipun, kaedah pengumpulan data jenis ini adalah amat sesuai untuk memenuhi kehendak objektif kajian seperti yang dinyatakan di atas. Ini kerana ketiga-tiga objektif kajian tersebut adalah berkaitan pengurusan dalam bidang penjagaan koleksi warisan di muzium yang dilakukan oleh pihak-pihak muzium sendiri. Mereka adalah organisasi yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga, memulihara dan memelihara tinggalan warisan tradisional negara kita agar tidak dilupakan dan hilang disebabkan arus pemodenan yang kian berkembang. Oleh itu, dalam penyelidikan ini, pengkaji akan mengetahui secara langsung dan tidak langsung bagaimana pengendalian mereka terhadap koleksi warisan tersebut. Penyelidik telah menemu bual dua orang kakitangan muzium yang amat berpengalaman dalam pemeliharaan dan pemuliharaan objek warisan kita iaitu wayang kulit.

Sebelum ini, penyelidik telah menghadapi halangan untuk berkunjung ke muzium kerana kes Covid-19 yang masih berleluasa. Tambahan pula, muzium juga ditutup dan telah menyebabkan penyelidik terpaksa mendapatkan maklumat secara atas talian. Namun begitu, usaha ini kurang berjaya kerana pihak muzium tidak dapat memberikan maklumat atas beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu, pihak muzium meminta penyelidik untuk datang sendiri ke

sana dan membuat temu janji. Manfaatnya, penyelidik lebih mudah untuk berkomunikasi secara langsung dengan mereka dan seterusnya dapat memenuhi objektif kajian yang ingin dicapai.

4.1 Konsep pengurusan koleksi permainan wayang kulit menurut pihak Jabatan Muzium Negeri Kelantan.

Dalam bahagian ini, penyelidik akan menerangkan berkaitan pendapat pihak jabatan muzium berkaitan konsep pengurusan koleksi wayang kulit itu sendiri. Disini penyelidik telah menemu bual seorang kurator muzium yang amat memainkan peranan dalam pengendalian koleksi wayang kulit di Muzium Negeri Kelantan. Pada 12 October 2021, penyelidik telah menemu bual secara terbuka iaitu Encik Nizam atau nama sebenar beliau Mohd Nizam Bin Ismail. Beliau amat berpengalaman dan berkemahiran dalam penjagaan wayang kulit selama 26 tahun. Encik nizam bukan sahaja berkebolehan menguruskan wayang kulit bahkan beliau pernah menjadi dalang dalam membuat persembahan wayang kulit. Buktinya, beliau pernah datang ke Sabah untuk melakukan persembahan dengan menjadi Dalang semasa aktiviti pameran secara besar-besaran dijalankan di sana. Pengalamannya yang berkecimpung dalam industri seni selama bertahun-tahun telah menjadikannya seorang kurator muzium yang profesional.

4.1.0 Pengurusan koleksi adalah penjagaan objek warisan yang rapi.

Dalam sesi temu bual, penyelidik telah bertanya pemahaman mereka (pihak muzium) terhadap konsep sebenar pengurusan koleksi. Menurut beliau, mereka amat memahami konsep pengurusan koleksi dengan amat jelas. Katanya lagi, *pengurusan koleksi bukanlah cara pengurusan yang boleh dibuat secara suka hati kerana ianya memerlukan cara yang tersendiri dan rapi bertujuan memelihara keaslian objek warisan yang ada di muzium. Oleh sebab itu, kerajaan negeri telahpun menggariskan prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi oleh semua kurator muzium mahupun yang bukan sebagai kurator (Encik Nizam, 2021)*. Hal ini dapat saya rumuskan bahawa pihak muzium amat mengetahui berkaitan pengurusan koleksi wayang kulit. Buktinya penjagaan koleksi di situ amat baik dan berkesan walaupun sedikit penambahbaikan perlu untuk dilaksanakan. Objek warisan mampu bertahan untuk jangka masa yang lama bergantung kepada cara pengurusannya. Selain itu, pihak-pihak muzium bukan sahaja perlu menguasai prosedur-prosedur ditetapkan bahkan mereka juga harus mendalami bagaimana pengendalian objek-objek warisan ini dengan lebih sistematik dan bukan mengkhususkan kepada satu koleksi sahaja.

4.1.1 Pengurusan koleksi melibatkan kemahiran konservasi

Menurut beliau lagi, pengurusan koleksi juga melibatkan usaha-usaha pengkonservasian yang perlu diketahui oleh semua pihak muzium. Tujuannya supaya koleksi wayang kulit dapat dipertahankan dan dikekalkan dari generasi ke generasi yang lain. Sebagai contohnya, wayang kulit adalah objek warisan yang mempunyai cara pemasangannya yang tersendiri. Patung wayang kulit akan dipegang di bahagian bawah tanpa menyentuh bahagian atas patung iaitu bahagian badan dan kepala. Hal ini dikatakan demikian kerana bahagian kepala dan badan amat sensitif serta mudah untuk tercalar (Encik Nizam, 2021). Mereka yang tidak tahu cara untuk memegang patung ini akan menyebabkan ianya mudah untuk jatuh dan rosak serta proses pembuatan semula tentunya mengambil masa yang lama bergantung kepada jenis kerosakan yang dialami. Artifak atau apa-apa sahaja koleksi yang dibawa masuk ke muzium merupakan objek yang mudah untuk rapuh dan akan cepat rosak sekiranya tidak dikendalikan dengan baik. Oleh itu, ilmu pengurusan berkaitan konservasi perlu ada dalam diri setiap pekerja-pekerja muzium bukannya terhadap individu-individu yang terlibat sahaja.

Aktiviti pengkonservasian sememangnya perlu didedahkan, dipelajari dan difahami skop tugasnya oleh semua pihak muzium. Hal ini pastinya dapat memberikan manfaat kepada muzium itu sendiri. Misalnya, muzium tidak hanya bergantung kepada pakar-pakar konservasi dari luar semata-mata untuk membaikpulih artifak atau koleksi yang rosak tetapi pekerja-pekerja muzium yang bukan pakar juga berkebolehan untuk melakukannya. Oleh hal yang demikian, muzium perlu kerap kali mengadakan seminar atau apa-apa sahaja aktiviti muzium yang bermatlamatkan pendedahan dan penguasaan yang menyeluruh tentang aspek-aspek penjagaan koleksi-koleksi warisan. Ujar beliau lagi, kebanyakan muzium yang ada sekarang kurang melahirkan tenaga kerja yang profesional dan usaha untuk melahirkannya perlu untuk dilaksanakan (Encik Nizam, 2021).

4.1.2 Pengurusan koleksi adalah satu sistem yang perlu dipatuhi

Semasa sesi temu bual berlangsung, Encik Mohd Nizam Bin Ismail telah mengatakan akan kepentingan pengurusan koleksi. *Objek-objek warisan yang berada di muzium adalah objek yang memiliki ketertinggian nilai. Penjagaan koleksi warisan ini bukan seperti kita menjaga barang-barang harian kita, cara penjagaanya perlu dipatuhi dan dilaksanakan dengan teratur. Kesilapan dalam mengendalikan koleksi penting ini akan merosakkan nilai estetik dan estetikanya ianya dan seterusnya mudah untuk musnah.* Ujar beliau juga, sistem pengurusan yang ditetapkan perlu dipatuhi oleh semua pekerja-pekerja muzium. Sebagai contohnya, untuk


melakukan konservasi ke atas wayang kulit perlu untuk memakai Topeng Muka (mask) dan Sarung Tangan. Hal ini bertujuan supaya tidak merosakkan atau mencalarkan koleksi tersebut. Kelalaian untuk mematuhi setiap prosedur pengurusan yang ditentukan akan memberikan masalah kepada koleksi tersebut (Encik Nizam, 2021).

4.2 Bagaimanakah prosedur Pengurusan Koleksi Permainan Tradisional Wayang Kulit yang diuruskan di Muzium Negeri Kelantan.

Dalam bab ini, penyelidik akan mengupas satu persatu tentang bagaimanakah prosedur-prosedur yang terlibat dalam menguruskan koleksi permainan wayang kulit khususnya melibatkan keluar masuk koleksi tersebut. Semasa menjalankan penyelidikan ini, penyelidik telah melakukan temu bual secara tertutup dengan seorang pegawai yang merupakan Penolong Kurator Muzium Negeri Kelantan bahagian penyelidikan, penerbitan dan dokumentasi (Gred S29) iaitu Puan Siti Khalisa Binti Mohd Sari. Menurut beliau, kaedah pemerolehan koleksi akan melibatkan beberapa peringkat.

4.2.1 Kaedah Pemerolehan Koleksi melalui Pembelian

Muzium negeri merupakan salah satu muzium yang banyak mempamerkan hasil seni wayang kulit dan kebanyakan koleksi wayang kulit yang dipamerkan di Muzium Negeri diperoleh melalui pembelian (Siti Khalisa, 2021). Kawasan utama pembelian wayang kulit ini adalah di Kampung Kebakat, Tumpat Kelantan. Pembelian wayang kulit ini mempunyai prosedurnya yang tersendiri.



Rajah 4.1: Carta alir Kaedah Pemerolehan Koleksi Wayang Kulit secara pembelian

Peringkat pertama dalam pembelian koleksi wayang kulit di Muzium Negeri ialah mereka akan mengenal pasti masalah yang dihadapi terlebih dahulu sebelum membuat sebarang pembelian. Pengenalpastian masalah ini akan melibatkan penelitian terhadap patung wayang kulit sama ada ianya diperlukan. Mereka tidak akan melakukan pembelian sekiranya koleksi ini tidak berkeperluan. Sebagai contohnya, aktiviti-aktiviti pameran yang dijalankan secara besar-besaran sememangnya memerlukan banyak koleksi-koleksi wayang kulit untuk dipamer. Muzium negeri mengalami beberapa kekurangan dari segi jumlah wayang kulit tersebut dan hal ini telah menyebabkan pihak muzium terpaksa membuat pembelian.

Selain itu, koleksi wayang kulit yang mengalami kerosakan juga menjadi salah satu faktor pembelian dilakukan. Wayang kulit merupakan objek tinggalan warisan yang mudah untuk rosak. Ini kerana kebanyakan wayang kulit yang berada di muzium diperbuat daripada kulit. Kulit merupakan bahan organik yang amat bertindak balas dengan agen-agen perosak seperti cahaya dan suhu. Penggunaan cahaya yang berlebihan akan melunturkan keaslian warna wayang kulit tersebut. Oleh itu, sebarang kerosakan yang berlaku ini perlu untuk dilaporkan kepada pihak atasan agar kaedah yang berkesan untuk memperbaikinya dapat dilakukan.


Pihak atasan adalah individu-individu yang terlibat secara langsung dalam membuat keputusan sama ada meluluskan pembelian koleksi atau sebaliknya. Kelulusan ini dibuat oleh Bahagian Pengarah Pemuziuman iaitu bahagian yang tertinggi dalam organisasi Muzium Negeri. Sekiranya koleksi tersebut tidak lulus maka aktiviti pembelian akan terbatal. Ada sebahagian koleksi yang ditolak oleh Pengarah Muzium disebabkan beberapa faktor iaitu latar belakang sejarah yang tidak mempunyai kepentingan. Menurut puan Siti Khalisa, koleksi yang dibawa masuk ke muzium perlulah mempunyai ketertinggian nilai sejarahnya dan mampu memberikan manfaat kepada masyarakat. Koleksi warisan yang tidak mempunyai nilai sejarah tidak seharusnya berada di muzium. Seterusnya, setelah mendapat kelulusan daripada pihak atasan, penyediaan kertas kerja wajib untuk dilakukan. Penyediaan kertas kerja ini dibuat bertujuan membincangkan sebab-sebab koleksi perlu dimiliki, koleksi tersebut dapat memberikan kebaikan kepada masyarakat atau tidak, penggunaan bajet dan banyak lagi.

Penggunaan bajet dalam pembelian wayang kulit ini amat memainkan peranan. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak muzium menyediakan bajet khusus untuk pembelian wayang kulit dan hanya menggunakan bajet itu sahaja tanpa ada penambahan. Bajet yang disediakan oleh Jabatan Negeri mempunyai dua jenis bajet iaitu bajet khusus dan bajet tidak khusus. Bajet khusus bermaksud setiap bajet tersebut memang sudah ditentukan oleh pihak jabatan dan hanya

bajet itu sahaja yang digunakan untuk membeli koleksi. Manakala, bajet tidak khusus pula akan melibatkan penambahan kepada bajet tersebut sama ada daripada pihak lain atau yang lainnya. Tetapi kebiasaannya, pihak muzium akan menggunakan bajet yang telahpun disediakan iaitu bajet khusus. (Siti Khalisa, 2021). Bajet yang sudah ditentukan oleh pihak jabatan negeri kelantan akan memudahkan urusan mendapatkan koleksi berkenaan. Mereka akan menghubungi penjual dan mengatur mesyuarat untuk berbincang dengan lebih lanjut tentangnya.

4.2.2 Pendaftaran Koleksi Wayang Kulit

Pendaftaran ialah proses merekodkan semua maklumat berkaitan koleksi warisan di dalam buku rekod. Tujuan pendaftaran ini adalah memudahkan penyimpanan semua data atau maklumat tentang wayang kulit yang berada di muzium. Wayang kulit yang telah mendapat kelulusan untuk dibawa masuk dan dipamerkan di muzium perlu untuk didaftarkan dan direkodkan kewujudannya. langkah-langkah pendaftaran koleksi yang dibuat akan ditunjukkan melalui carta alir di bawah.




Rajah 4.2: Carta aliran Prosedur pendaftaran koleksi wayang kulit

Pengurusan koleksi wayang kulit yang seterusnya ialah Pendaftaran. Pendaftaran koleksi di Muzium Negeri dibuat dengan mengumpul borang-borang dalam buku perekodan. Buku perekodan ini dijadikan panduan oleh pihak muzium terutamanya Bahagian Penyelidikan untuk mencari maklumat tentang wayang kulit. Borang ini mempunyai beberapa komponen iaitu nama artifak, nombor pendaftaran, nombor rujukan, perolehan, nilai, tempat simpanan, permasalahan dan ukuran.

Nombor pendaftaran adalah umum iaitu mana-mana koleksi akan ditentukan sendiri nombor pendaftaran oleh pihak pengurusan. Manakala, bagi peletakan nombor rujukan bergantung kepada jenis koleksi tersebut. Misalnya, wayang kulit dikategorikan sebagai kulit dan koleksi lain dikategorikan sebagai artifak. Nombor rujukan inilah yang akan membezakan setiap jenis objek-objek warisan yang hendak didaftarkan di bawah Muzium Negeri. Perolehan pula melibatkan nama pemilik asal wayang kulit tersebut. Sebagai contohnya, Wayang Kulit Jawa dimiliki oleh Hamid B. Yusuf. Elemen penilaian yang ada dalam borang pendaftaran ini merujuk kepada harga yang telah dibayar untuk memiliki wayang kulit seperti Wayang Kulit Jawa dibeli dengan harga RM600 untuk 80 keping. Akhir sekali, ialah ukuran. Ukuran mestilah meliputi ukuran dari segi tinggi dan lebar sesuatu wayang kulit. Contohnya, lebar bagi Wayang Kulit Jawa ialah 37.5cm dan tingginya ialah 58.5cm. Rumusnya, pengisian borang dengan memenuhi setiap komponen ini amat memainkan peranan bagi memastikan maklumat koleksi warisan sentiasa tepat, jelas dan tersusun.

Walaupun begitu, Semasa temu bual yang dijalankan pihak mereka telah melakukan penambahbaikan dari segi pengurusan koleksi tersebut agar menjadi lebih baik dari semasa ke semasa. Kepesatan penggunaan teknologi kini yang telah banyak memberikan kemudahan kepada pengguna telah menyebabkan pihak muzium juga telah mengambil inisiatif untuk mengaplikasikan penggunaan teknologi moden dalam mengembangkan lagi fungsi pemuziuman yang sedia ada kepada masyarakat. Misalnya, mereka telah berusaha memasukkan data-data koleksi dalam sistem atas talian sahaja tanpa menggunakan borang. Hal ini bukan sahaja memudahkan pencarian maklumat bahkan membolehkan penyimpanan maklumat yang lama (Siti Khalisa, 2021). Ujar beliau lagi, terdapat banyak masalah yang dihadapi dalam penggunaan borang pendaftaran ini khususnya semasa mencari maklumat koleksi-koleksi yang telah lalu. Mereka mengalami kesulitan untuk mencarinya disebabkan faktor lambakan borang pendaftaran. Tetapi dengan menggunakan sistem atas talian ini akan dapat memberi kemudahan kepada mereka (Siti Khalisa, 2021).


PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN
Tel: 09-4807060 Fax: 09-4747488 Email: muzium@dnk.kelantan.gov.my


No. Borang
194

UNIT PENGURUSAN KOLEKSI & ARTIFAK

BORANG PENGESAHAN ARTIFAK

TARIKH: 9/12/2018

Nama Artifak	Wayang Kulit Jawa (Wayang Mubid)			
No. Pendaftaran	MZ (KN) 232 BS 13/80 (M) 3			
Pemolehan	Hamid b. Yusoff			
Nilaian	RM 600 (50pcs)			
Tempat Simpan	Muzium Negeri			
Permasalahan	-Kemas kini			
Ukuran	P	L	T	UL
		37.5 cm	38.5 cm	



Rajah 4.3: Borang pendaftaran koleksi wayang kulit terkini

Sumber: Kajian Lapangan




Rajah 4.4: Borang Pendaftaran Koleksi Wayang Kulit yang lama

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 4.5: Borang Pendaftaran Wayang Kulit yang lama

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 4.6: Contoh Borang Pendaftaran Koleksi yang Lama

Sumber: Kajian Lapangan

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.3 Konservasi Wayang Kulit

Konservasi wayang kulit yang dilakukan di muzium negeri tidak melibatkan kaedah preventif dan restorasi. Ini kerana kaedah preventif dan restorasi hanya melibatkan tapak-tapak bangunan warisan sahaja. Patung warisan seperti wayang kulit mempunyai cara penjagaan yang khusus dan berbeza dengan cara penjagaan objek-objek warisan yang lain seperti artifak. Kaedah penjagaan wayang kulit amat mudah dan hanya melibatkan pembaikpulihan melalui pemasangan. Sebagai contohnya, wayang kulit yang patah atau rosak akan dipasang semula dan dikembalikan kepada keadaan asal. Kebiasaannya, faktor kerosakan bagi wayang kulit ialah serangan serangga perosak, penggunaan cahaya dan suhu yang berlebihan serta kecuaiian dalam pengendaliannya (Siti Khalisa, 2021). Kata beliau lagi, tetapi sekiranya kerosakan yang dialami oleh patung wayang kulit itu maksimum, pihak jabatan muzium negeri akan meminta bantuan daripada orang luar untuk memperbaiki boneka tersebut.

4.2.4 Penyimpanan atau Storan Wayang Kulit

Wayang kulit yang telah selesai dikonservasi atau dibaiki akan dipamerkan semula oleh pihak muzium. ini kerana mereka berpendapat bahawa wayang kulit merupakan warisan yang amat berharga kepada masyarakat dan perlu untuk dipamerkan bagi tujuan pendedahan ilmu pengetahuan kepada mereka. Bahkan, mereka dapat mengetahui kepentingan warisan dalam kehidupan. Maka dari itu, wayang kulit tidak akan disimpan kecuali wayang kulit tersebut mengalami masalah. Misalnya, wayang kulit yang mengalami kerosakan akan disimpan di dalam stor dan di ruangan tertutup sebelum ianya dibawa keluar untuk dibaiki. Sebagai contohnya, wayang kulit Pak Hamzah. Wayang kulit Pak Hamzah amat dikenali dalam kalangan masyarakat di negeri Kelantan kerana sejarahnya yang unik. Oleh itu, walaupun wayang kulit ini wayang kulit lama dan sudah tentu akan mudah untuk mengalami kerosakan, mereka akan menjaganya dengan mengikut kaedah-kaedah yang berkesan (Siti Khalisa, 2021).

4.3 Mengkaji Kaedah Penjagaan dan Pemeliharaan Koleksi Permainan Tradisional Wayang Kulit di Muzium Negeri Kelantan.

Kaedah penjagaan dan pemeliharaan koleksi permainan tradisional wayang kulit yang dilakukan di muzium negeri adalah baik. Hal ini dikatakan demikian kerana muzium negeri mempunyai cara mereka yang tersendiri untuk memulihara koleksi warisan. Aktiviti pemuliharaan objek warisan wayang kulit dilakukan sendiri oleh kurator muzium negeri iaitu Encik Nizam. Sebagai contohnya, encik nizam akan memasang sendiri pada bahagian-bahagian patung wayang kulit yang rosak. Tempoh masa untuk menyiapkan wayang kulit ini

juga bergantung kepada sejauh mana tahap kerosakan yang dialami. Sekiranya tahap kerosakan adalah banyak, tempoh masa untuk dibuat semula mengambil masa lebih kurang seminggu. Setelah itu, barulah wayang kulit ini akan dipamerkan kembali. Pengalaman beliau selama 26 tahun dalam menguruskan wayang kulit ini telah menjadikan beliau seorang profesional.

Selain daripada itu, sistem pengurusan muzium ini juga perlu ditambah baik. Hal ini disebabkan kurangnya penguasaan ilmu dalam bidang pengurusan galeri dan pemuziuman telah menjadi faktor utama perlunya penambaan dilakukan berkaitan sistem pengurusan koleksi yang sedia ada. Penambaan ini haruslah melibatkan semua koleksi yang berada di muzium. Mereka agak kurang berpengetahuan dalam pengendaliannya dan sedikit sebanyak telah memberikan kecacatan kepada koleksi. Cara pengendalian yang salah akan menyebabkan koleksi mudah untuk rosak dan banyak lagi masalah-masalah yang lainnya. Misalnya, semasa kerja-kerja konservasi dilakukan terdapat kurator muzium yang tidak memakai sarung tangan ketika memegang koleksi tersebut. Bukan itu sahaja, mereka menyentuh boneka wayang kulit dengan cara yang salah. Ini menyebabkan sedikit calar pada wayang kulit tersebut malahan terdapat bekas-bekas pegangan.

Di samping itu, peletakan koleksi wayang kulit untuk dipamerkan juga agak kurang baik. Ini kerana pengawalan suhu dan cahaya di tempat tersebut kurang diberi perhatian. Menurut Encik Nizam, wayang kulit adalah sebuah objek warisan yang amat lembut dan cahaya yang tidak terkawal akan menyebabkan wayang kulit mudah untuk luntur warna keasliannya. Oleh itu, peletakan lampu dengan dikawal pencahayaannya amat penting dan mesti diambil berat. Seseengah staf-staf muzium tidak diberikan pendidikan yang khusus dan berterusan telah menyebabkan mereka kurang berkebolehan dan berkemahiran dalam pengendalian koleksi-koleksi warisan. Mereka juga kurang diberikan pendedahan menyebabkan mereka melakukan kerja-kerja tidak menyeluruh dan asal ada. Makanya, amat perlu untuk melatih pekerja-pekerja muzium untuk lebih berkemampuan bukan sahaja menekankan kurator muzium semata-mata.

4.5 Rumusan Bab

Secara rumusnya, ketiga-tiga objektif dalam kajian ini telahpun mencapai matlamatnya. Bagi objektif pertama iaitu Mengenalpasti konsep sebenar pengurusan koleksi permainan tradisional wayang kulit yang dilakukan di Muzium Negeri. penyelidik telah berjaya menemui bual seorang kakitangan muzium negeri iaitu Encik Nizam dan beliau telah membantu penyelidik untuk menjayakan objektif ini dengan memberikan respon yang positif daripada soalan-soalan yang diutarakan. Selain itu, objektif kedua juga telah mencapai objektifnya iaitu penyelidik dapat mengenal pasti prosedur-prosedur yang mereka gunakan untuk membawa masuk koleksi wayang kulit bertujuan dipamerkan. Pemerolehan maklumat ini telah dibantu oleh Puan Siti Khalisa. Beliau memberikan maklumat ini amat terperinci sekali dan jelas. Akhir sekali, objektif ketiga juga telah mencapai objektifnya di mana penyelidik dapat mengetahui sejauh mana prosedur yang ditetapkan ini mampu memberikan kesan yang baik kepada penjagaan wayang kulit tersebut. Walaupun terdapat sedikit penambahbaikan yang perlu dilakukan mereka untuk memperkasakan lagi sistem pengurusan yang sedia ada.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini, penyelidik akan merumuskan hasil kajian untuk keseluruhan penyelidikan ini. Di samping itu, penyelidik juga akan memberikan cadangan untuk memantapkan lagi sistem pengurusan koleksi yang ada di Malaysia agar lebih baik di masa depan. Fokus utama kajian ini ialah pengurusan koleksi permainan tradisional wayang kulit di Muzium Negeri Kelantan.

5.2 Rumusan Kajian

Rumusanya, kewujudan institusi pemuziuman yang bertujuan untuk menjaga, menyebarkan, memelihara dan memulihara tinggalan-tinggalan warisan adalah salah satu usaha yang bermanfaat. Seperti mana yang kita ketahui, muzium adalah tempat penyimpanan barang bersejarah dan organisasi-organisasi muzium dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pengurusan penyimpanannya. Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu telah berjaya menjalankan fungsi-fungsinya. Mereka telah menguruskan dengan baik semua tinggalan-tinggalan warisan yang berada di muzium dengan memperkenalkan sistem pengurusan yang teratur. Setiap organisasi mempunyai bahagian masing-masing supaya setiap tugas dapat dijalankan dengan sistematik. Walaupun begitu, sistem pengurusan koleksi yang dilaksanakan oleh muzium ini perlu untuk ditambah baik dari masa ke semasa kerana mereka masih menggunakan cara yang lama. Daripada kajian ini juga, penyelidik dapat memahami dengan lebih jelas tentang konsep pengurusan koleksi. Selama ini, penyelidik hanya didedahkan konsep ini melalui pembacaan daripada sumber-sumber seperti buku, artikel dan jurnal tanpa mengetahui pengaplikasiannya.

Selain itu, daripada kajian ini kita dapat mengetahui kepentingan menjaga koleksi warisan. Kepentingan yang pertama ialah warisan turun-temurun dapat dikekalkan kewujudannya. Sistem pengurusan yang berkesan dapat menjaga objek warisan kita daripada pupus atau musnah. Ini kerana prosedur pengendalian yang sempurna mampu memelihara objek warisan daripada pembiakan agen-agen perosak. Melalui sistem pengurusan yang berkesan juga, punca-punca kerosakan koleksi wayang kulit dapat kita kenal pasti dan seterusnya usaha untuk memulihkannya dapat kita laksanakan.

Seterusnya, ilmu pengetahuan berkaitan warisan ini dapat dikongsi dari satu generasi ke generasi yang lain. Wayang kulit adalah tinggalan warisan yang sudah lama wujud di negara kita iaitu sejak 400 tahun dahulu. Wayang kulit ini lebih dikenali sebagai seni persembahan atau teater dalam masyarakat kita. Menurut Mohamad Ghouse Nasruddin (2000), wayang kulit merupakan persembahan teater yang unik dan dikendalikan oleh seorang Dalang. Dalang dalam persembahan ini dianggap seorang tokoh warisan. Ciri-ciri ketokohan yang ada dalam diri Dalang amat wajar untuk dicontohi terutamanya kepada generasi sekarang khususnya golongan remaja. Ciri-ciri ketokohan ini perlu diceritakan kepada mereka agar mereka menjadi seseorang yang mampu memberikan manfaat kepada orang lain.

5.3 Cadangan Kajian

5.3.1 Pemantapan lagi pengurusan koleksi yang lebih mapan dan mengikut piawaian antarabangsa.

Seperti mana yang kita ketahui, sistem pengurusan koleksi-koleksi warisan masih lagi lemah. Hal ini dikatakan demikian kerana institusi pemuziuman di negara kita masih mengekalkan sistem pengurusan yang lama di mana pendaftaran koleksi-koleksi dibuat secara manual ataupun lebih dikenali sebagai sistem bertulis. Sistem bertulis bermaksud semua maklumat koleksi yang diperolehi akan ditulis dalam borang. Perkara ini akan memberikan risiko kepada kakitangan-kakitangan muzium semasa pencarian maklumat dilakukan. Sebagai contohnya, borang pendaftaran akan hilang dan sukar untuk dicari. Oleh itu, bahagian Unit Inventori dan Repositori perlu bijak merancang pelan strategi bertujuan menambahbaik sistem prosedur yang sedia ada dengan menggantikannya kepada penggunaan sistem secara maya. Hal ini bertujuan menjaga dan menyimpan dengan lebih selamat semua maklumat yang diperolehi. Penggunaan sistem teknologi moden ini juga berupaya memberikan kemudahan kepada sebarang pencarian maklumat yang dibuat dengan pantas tanpa harus mencari buku atau rekod yang telah ditulis.

5.3.2 Meningkatkan sistem penggunaan Teknologi Pendigitalan

Dalam era globalisasi kini, penggunaan teknologi pendigitalan tanpa sempadan telah berkembang dengan pesat. Mereka yang tidak tahu menggunakan teknologi moden dianggap ketinggalan dan kebelakang. Institusi muzium di negara kita juga tidak ketinggalan untuk memanfaatkan teknologi pendigitalan ini untuk mengembangkan lagi warisan kita di peringkat global agar lebih dikenali. Namun begitu, negara kita masih lagi lemah dari segi penggunaan teknologi pendigitalan ini kerana muzium masih menggunakan cara yang lama. Buktinya, jumlah pelancong yang datang ke muzium kita masih kurang disebabkan persekitaran muzium

itu sendiri yang membosankan dan tidak menarik. Negara kita perlu mencontohi negara-negara antarabangsa untuk melaksanakan pembaharuan dan sekaligus mampu memajukan dan meningkatkan daya saing muzium kita di persada global. Antara contoh negara yang menggunakan teknologi pendigitalan ialah U-Thong National Museum di Thailand. Mereka telah melakukan beberapa inovasi dengan melakukan pembaharuan dari segi pameran koleksi (exhibition).

U-Thong National Museum Thailand telah mencipta sensor dan projektor untuk memaparkan sejarah koleksi tersebut secara tayangan. Hal ini bertujuan memudahkan pengunjung melihat dengan lebih dekat dan jelas berkaitan sejarah setiap koleksi yang dipamerkan di muzium berkenaan tanpa harus membaca *caption*. Pada pendapat saya, muzium negeri di Kelantan perlu mengaplikasikan penggunaan teknologi ini untuk menarik minat masyarakat supaya lebih kerap berkunjung ke muzium. Pihak muzium boleh menyediakan tayangan latar belakang setiap watak wayang kulit yang dipamerkan, nama-nama wayang kulit tersebut dan siapa tok dalang yang terlibat serta banyak lagi. Kesimpulannya, Penggunaan teknologi pendigitalan dalam pemuziuman amat memainkan peranan dalam meningkatkan keminatan masyarakat untuk lebih cenderung berkunjung ke muzium. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat menganggap penggunaan teknologi digital ini adalah salah satu ilmu yang menyeronokkan dan menarik untuk dilihat dan dirasai sendiri.

5.3.3 Meluaskan jaringan kerjasama dengan institusi pemuziuman yang lainnya.

Pada hari ini, Institusi pemuziuman dari negara luar amatlah maju, unik dan luarbiasa berbanding di negara kita. Dikatakan juga, muzium kita agak ketinggalan di belakang kerana banyak kelemahan yang perlu diambil berat. Oleh hal yang demikian, untuk memajukan sistem pemuziuman di negara kita amat perlu untuk negara kita menjalinkan hubungan yang baik terhadap negara-negara jiran khususnya negara maju seperti British, China, Amerika Syarikat, Indonesia dan banyak lagi. Hubungan kerjasama yang terjalin penting dan sememangnya dapat memberikan kebaikan kepada negara kita. Sebagai contohnya, negara kita dapat meningkatkan kepakaran dalam bidang-bidang muzium. Antara negara yang kita boleh jalinkan hubungan dua hala ialah Peru. Peru memiliki sebuah teknologi muzium yang berkemampuan untuk mengesan kerosakan pada artifak secara mendalam iaitu teknologi 3D Scanner. Penggunaan teknologi ini telah digunakan secara meluas bukan sahaja di Peru malahan muzium-muzium yang terdapat di seluruh dunia seperti Muzium di London dan British. Makanya, perkongsian ilmu berkaitan penciptaan teknologi sedemikian amat perlu untuk dilakukan di negara kita bagi

memajukan lagi institusi pemuziuman yang ada. Menurut saya, Muzium negeri haruslah melakukan perubahan dengan mempelbagaikan penggunaan teknologi yang moden dalam menguruskan koleksi-koleksi.

Selain itu, muzium kita dapat diperkembangkan lagi melalui pengaplikasian teknologi penghasilan *Sketch Up Model* daripada negara barat khususnya British. Muzium di British memiliki satu sistem yang mana pengunjung mempunyai kemudahan untuk mengakses kesemua artifak yang berada di galeri tanpa harus berkunjung ke sana. Sistem ini membolehkan mereka melihat sendiri koleksi tersebut secara *zooming (zoom)* dan atas talian sahaja. *Zooming* bermaksud satu sistem yang membolehkan pengunjung membesarkan gambar artifak dengan lebih jelas. Bahkan, sistem ini membolehkan mereka melihat sendiri susunan koleksi yang seakan-akan mereka berada di sana dan berjalan mengelilingi galeri. Ilmu berkaitan penggunaan teknologi ini boleh dipelajari dan seterusnya mampu diaplikasikan di negara kita. Walaupun begitu, pihak muzium perlulah bijak dalam mengatur strategi supaya lebih ramai masyarakat datang ke muzium.

5.3.4 Memberikan pendedahan maksimum bagi melahirkan tenaga kerja yang profesional.

Muzium adalah bangunan yang berfungsi sebagai tempat untuk memelihara objek-objek yang bersejarah dan penjagaannya perlulah sistematik supaya keasliannya dapat dikekalkan. Individu-individu yang terlibat dalam pengurusan institusi pemuziuman sudah tentu mengetahui cara-cara penjagaan barangan-barangan warisan dengan baik tetapi terdapat juga segelintir mereka yang tidak mengetahui. Oleh itu, jentera-jentera ini perlu digerakkan dengan memberi latihan yang berterusan untuk meningkatkan lagi kemahiran, kepakaran dan kebolehan mereka dalam bidang-bidang muzium seperti teknik-teknik pameran, pengurusan inventori, konservasi artifak dan lain-lain yang berkaitan. Pendedahan secara berterusan ini boleh dibuat melalui penganjuran seminar mahupun program yang bermatlamatkan usaha untuk menjaga koleksi warisan dengan lebih berkesan. Semua kakitangan muzium perlu melibatkan diri secara langsung agar mereka dapat meningkatkan keupayaan dan kemampuan mereka untuk mengendalikan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

5.2 KESIMPULAN

Harapan penyelidik dalam kajian yang dilakukan ini ialah ianya mampu memberikan kebaikan kepada masyarakat dan pengkaji lainnya yang ingin melakukan penyelidikan yang sama pada masa hadapan. Pengkaji berharap perubahan akan dilaksanakan di muzium tersebut dan lebih banyak lagi penyelidikan yang dapat dihasilkan di sana. Penyelidik juga berharap kajian ini mampu memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan penjagaan wayang kulit yang sememangnya warisan terpenting di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana penjagaan koleksi-koleksi warisan ini bukan sahaja melibatkan kakitangan-kakitangan muzium bahkan masyarakat juga harus mengambil peranan. Dengan cara ini, keunikan tinggalan kebudayaan negara kita dapat diperluaskan ke serata dunia.

Seterusnya, fokus utama kajian ini adalah berkaitan dengan prosedur pengurusan koleksi permainan tradisional wayang kulit. Penyelidik amat berpuas hati dengan hasil kajian ini kerana penyelidik dapat mengetahui sendiri bagaimana pelaksanaan pengurusan objek-objek warisan itu dibuat. Pengurusan ini bukan sahaja mengkhususkan objek-objek tertentu bahkan penyelidik dapat mengetahui pengurusan koleksi yang lainnya seperti seramik dan tembikar. Pertemuan dengan orang-orang sumber sememangnya amat baik dan penyelidik dapat menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada. Melalui kajian ini juga, orang ramai dapat mengetahui dan memahami kaedah yang mereka gunakan kerana sistem pengurusan sebegini tidak didedahkan kepada orang luar kerana ianya melibatkan pengurusan dalaman yang rapi dan terjaga.

5.3 RUJUKAN

BUKU

Mohamad Shawali Bin Hji. Badi (2018-2022). *Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia (JMM)*. Government Publications Malaysia.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia (2003). *Siri Mengenal Budaya*. Negeri Kelantan Darul Naim. KKMM

www.kkmm.gov.my › pdf › buku

TEMU BUAL

Mohd Nizam Bin Ismail (2021, October 12). *Sejauh mana pihak pemuziuman memahami konsep pengurusan koleksi*. Muzium Negeri Kelantan.

Mohd Nizam Bin Ismail (2021, October 12). *Mengkaji kaedah penjagaan permainan tradisional wayang kulit di Muzium*. Muzium Negeri Kelantan.

Mohd Nizam Bin Ismail (2021, October 12). *Cabaran dalam menguruskan wayang kulit di muzium*. Muzium Negeri Kelantan.

Siti Khalisah Binti Mohd Sari (2021, October 21). *Prosedur-prosedur dalam Menguruskan Koleksi Wayang Kulit*. Muzium Negeri Kelantan.

INTERNET

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan (2019). Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

<https://www.kelantan.gov.my/index.php/laman-utama#>

Mohd Ali Riduan Bin Daud (2019). Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

<https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/>

Fitzwilliam, (December, 2021), Galery 1: British and European Art, 19th-20th century

<https://fitzmuseum.cam.ac.uk/visit-us/galleries/gallery-1>

ARTIKEL


- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot (2011). *Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu*. Jurnal Melayu (8) 2011: 173-188.
- Zuraidah Hassan, Ab. Samad Kechot (2012). *Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan: Kajian di Jabatan Muzium Malaysia*, (9) 241-257.
- Madekhan (2018). *Posisi Dan Fungsi Teori Dalam Penelitian Kualitatif*. Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran. (2) 2621-4172.
- Wan Nor Jazmina Wan Ariffin, Ramle Abdullah (2015). *Unsur Supernatural Dalam Cerita Tradisional Wayang Kulit Masyarakat Melayu Kelantan*. Universiti Sultan Zainal Abidin https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/66_Wan_Nor_Jazmina_Wan_Ariffin.pdf

TESIS


- Muhammad Hasnain Bin Yusoff (2021). *Konservasi Serangga: Kaedah Awetan Terhadap Kumbang Tanduk Menggunakan Resin*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Norlaila Binti Atan (2015). *Pengurusan Pemeliharaan Koleksi Muzium di Muzium Bugis Pontian Johor*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Sakina Iwani Binti Johari (2020). *Tarikan Pelancongan Warisan: Kajian Ke Atas Muzium-Muzium Bangunan Warisan Di Kota Bharu, Kelantan*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Resdimona Binti Mudassir (2019). *Satu Penelitian Terhadap Teknologi Tradisional Dalam Warisan*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Siti Noor Nabila Binti Malik (2018). *Tanggapan Masyarakat Terhadap Kebolehan Pasaran Muzium Negeri Kota Bharu Kelantan*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Allison Michelle Pohl (2016). *Collections Management Systems at Natural History Museums: A Centralized Approach*. Degree of Master of Arts in Museum Studies.
- Atithep Chaetnalao (2012). *Refreshing Experiences in Collective Museum with Interactive media: Field Experiments of U-Thong National Museum*. Silpakom University



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN